

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 25 APRIL 2019

NO SOALAN: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kerajaan menangani isu warga asing yang menjalankan perniagaan secara tidak sah atau menyewa atau meminjam lesen rakyat tempatan untuk berniaga dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Antara inti pati yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:
 - (i) Pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
 - (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat perniagaan pada sepanjang masa;
 - (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
 - (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

NO SOALAN: 1

2. Pada masa yang sama, KPKT juga memantau tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing melalui laporan berkala yang perlu dihantar oleh PBT.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah sehingga kini Kerajaan masih lagi dilihat berdepan dengan kesukaran untuk memperkukuhkan nilai mata wang ringgit dan apakah cabaran yang dikenal pasti.

NO SOALAN: 2

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 22 April 2019, nilai ringgit telah meningkat sebanyak 0.1 peratus manakala nilai mata wang serantau yang lain telah mencatat di antara -2.7 peratus dan 2.5 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Walau bagaimanapun, volatiliti nilai ringgit juga didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun demikian, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan pelbagai langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN: 2

3. Langkah tersebut termasuk penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

4. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

NO SOALAN: 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jangka masa dan pelan perancangan untuk mengangkat martabat Lembah Bujang sebagai pusat pelancongan ternama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menyedari kepentingan tapak-tapak warisan dan kebudayaan serta bandar-bandar bersejarah sebagai aset pelancongan berharga negara yang mampu melonjakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Kementerian ini sentiasa memberi perhatian kepada tapak Lembah Bujang khususnya di Sungai Batu, Kedah. Pelan perancangan untuk kajian dan pembangunan tapak ini dijalankan secara berterusan. Usaha ini juga adalah selaras dengan Artikel 4 di bawah Kod Etika Global Bagi Pelancongan yang dikeluarkan oleh United Nations World Tourism Organisation (UNWTO) yang menetapkan perlindungan terhadap warisan semula jadi, seni, arkeologi dan warisan budaya yang seterusnya membolehkan produk budaya tradisional, kraf dan cerita rakyat tidak pupus dan terus berkembang.

Di bawah *Rolling Plan 4*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11), Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mendapat peruntukan sebanyak RM10 juta untuk melaksanakan pembangunan Kompleks Tapak Warisan Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang bermula tahun ini sehingga tahun 2023. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya yang merangkumi prasarana lengkap dan tersusun untuk kemudahan pentadbiran tapak dan pelawat. Selain untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan penyelidikan berkaitan tamadun tapak ini, pembangunan pusat arkeo-pelancongan warisan bertaraf dunia

NO SOALAN: 3

khususnya di wilayah utara ini dijangka dapat dipromosikan sebagai tarikan pelawat dari dalam dan luar negara apabila ia siap kelak.

Bagi memartabatkan Lembah Bujang di peringkat global, Jabatan Warisan Negara telah memulakan usaha untuk cadangan mencalonkan Lembah Bujang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan kajian lebih mendalam bagi memenuhi kriteria ketat yang ditetapkan oleh UNESCO.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah pihak Kementerian menilai program "Profesional Training And Education For Growing Entrepreneurs" (PROTEGE) ini mampu menjadi satu mekanisme terbaik dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti kepada lambakan graduan yang menganggur; dan
- (b) apakah pihak Kementerian telah menetapkan syarat tertentu terhadap majikan yang menyertai program ini bagi mengelakkan peserta program ini dieksploitasi sepanjang tempoh program berlangsung.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Salah satu matlamat yang hendak dicapai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) ialah untuk melahirkan usahawan yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan. Justeru, program yang dilaksanakan oleh PROTÉGÉ bukan sahaja untuk melatih graduan untuk kebolehpasaran dalam industri, malah untuk menjadi usahawan yang berkemahiran.
2. Bagi memastikan keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh PROTÉGÉ, penambahbaikan dan pendekatan baru yang lebih mantap telah dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memperkasakan tenaga muda bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan berkemahiran untuk industri serta mewujudkan generasi usahawan (*job creator*) dalam membantu mengembangkan ekonomi negara dengan lebih pesat lagi. Usaha ini bukan sahaja dapat memupuk budaya keusahawanan dalam diri mereka malah menjadikan bidang kerjaya keusahawanan sebagai pilihan pertama dalam langkah membina kerjaya selepas tamat pengajian.
3. Sebagai contoh, program PROTÉGÉ *Ready-To-Work* (RTW) telah ditambah baik untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antara penambahbaikan yang dilakukan ialah menerapkan konsep *entrepreneurial thinking* dalam penghasilan kerja dalam modul latihan industri. Selain memberi pendedahan kepada pengalaman

NO SOALAN: 4

kerja sebenar, program ini menggunakan pakai 5 modul wajib latihan *soft skills* dengan penambahan 2 modul baharu dalam bidang keusahawanan yang disediakan oleh syarikat. Program ini dilaksanakan selama 8 bulan (minimum) hingga 12 bulan (maksimum).

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Bagi pertanyaan yang kedua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, syarikat yang menyertai program ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu:
 - i. pelaksanaan secara *Corporate Social Responsibility* (CSR); dan
 - ii. pelaksanaan secara kontrak bagi syarikat yang menerima Perolehan Kerajaan.
5. PROTÉGÉ tidak meletakkan sebarang syarat penyertaan kepada syarikat yang ingin terlibat dalam program PROTÉGÉ RTW. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang terlibat adalah tertakluk kepada tujuh (7) modul latihan wajib yang telah ditetapkan oleh PROTÉGÉ.
6. Pihak Sekretariat akan menjalankan Audit Pematuhan di syarikat-syarikat yang melaksanakan program ini bagi memastikan latihan yang diberikan kepada peserta adalah mengikut modul yang ditetapkan. Jika terdapat syarikat yang tidak mematuhi terma dan keperluan program ini, maka nama syarikat tersebut akan disenaraihitamkan dan dipaparkan di portal PROTÉGÉ.

NO SOALAN: 4

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pampasan yang akan diberi kepada mangsa yang terjejas akibat banjir dan sebagainya yang disebabkan pembinaan lebuhraya dan sebagainya.

NO SOALAN: 5

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator setiap lebuhraya di dalam pembinaan diwajibkan untuk mempunyai 'All Risk Insurance' yang perlu diambil sebelum kerja-kerja ditapak dimulakan. Insurance ini merangkumi hal-hal luar jangka seperti banjir, tanah runtuh, kemalangan ditapak bina, serta kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti pembinaan lebuhraya.

Kejadian banjir yang disebabkan oleh pembinaan lebuhraya akan mendapat pampasan yang sewajarnya. Pihak Konsesi akan menilai jumlah kerosakan dan pengesahan akan dibuat melalui pengadu atau mangsa banjir sebelum laporan kerosakan dan penilaian yang dibuat dikemukakan kepada pihak insurance bagi proses tuntutan.

Di samping itu, pihak konsesi mempunyai Emergency Respon Team ataupun Pasukan Bertindak Kecemasan bagi memberikan bantuan awal kepada mangsa yang terlibat seperti mengalihkan barang-barang berharga semasa banjir, kerja-kerja pembersihan, dan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan yang akan dan telah ambil untuk meningkatkan kelajuan Internet di Negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Kerajaan secara berterusan giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Kota Kinabalu dan Negeri Sabah.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 355 menara komunikasi baru telah siap beroperasi di Sabah manakala 37 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan. Ini merupakan tambahan kepada 1,718 struktur pemancar komunikasi yang disediakan secara komersial di Sabah oleh syarikat-syarikat telekomunikasi utama. Daripada jumlah ini, sebanyak 96 struktur pemancar komunikasi terletak di Kota Kinabalu.
3. Selain itu, sebanyak 1,092 lokasi menara sedia ada telah siap dinaiktaraf di negeri Sabah yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 129 menara lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan dijangka siap menjelang suku keempat 2019. Daripada jumlah tersebut, 43 lokasi menara yang telah siap dinaiktaraf berada di Kota Kinabalu.

NO SOALAN: 6

4. Melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara termasuk di Sabah, hampir 100 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 10 ibusawat di Sabah dan 1 ibusawat di Kota Kinabalu.
5. Pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar di mana terdapat 40 ribu sambungan tersedia melalui 40 ibusawat talian tetap di Sabah.
6. Sebagai tambahan, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 tarabit sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi dari 3,800 kilometer.
7. Kesemua inisiatif ini adalah usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di kawasan bandar dan luar bandar termasuklah di Kota Kinabalu.

NO SOALAN: 6

8. Pihak Kerajaan juga telah merangka deraf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau *National Fiberisation and Connectivity Plan*, (“NFCP”)) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

NO SOALAN: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RABIYAH BINTI ALI
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang patut diambil ke atas syarikat konsesi lebuhraya di Kuala Lumpur dalam usaha meningkatkan kecekapan operasi pembersihan tandas dan tempat solat di seluruh bangunan Rehat dan Rawat di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang serta kerja-kerja naik taraf bagi kemudahan tandas yang telah uzur terutama di Tol Duta, DUKE dan Kelana Jaya.

NO SOALAN: 7

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa mengambil berat berhubung aspek kebersihan dan operasi kemudahan yang disediakan di kawasan rehat dan rawat seperti surau dan tandas agar sentiasa dipastikan di dalam keadaan bersih untuk keselesaan pengguna. Pemantauan dari semasa ke semasa akan dilaksanakan oleh LLM didalam memastikan Syarikat Kongsesi lebuhraya mematuhi Garis Panduan yang disediakan oleh LLM berhubung perkara ini iaitu Garis Panduan Operasi dan Penyenggaraan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan warga emas sebatang kara yang direkodkan dan didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Mac 2019 serta apakah kesemua warga emas ini menerima bantuan JKM dan BSH 2019.

NO SOALAN: 8

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan Skim Bantuan Orang Tua (BOT) yang bertujuan memastikan warga emas dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti. Rekod penerima Bantuan Orang Tua (BOT) JKM dari Januari sehingga Februari 2019 adalah seramai **138,576 orang penerima** dengan peruntukan yang telah disalurkan ialah sebanyak **RM98.8 juta**. Sebanyak RM568.3 juta telah diperuntukkan bagi skim Bantuan Orang Tua (BOT) pada tahun 2019.

Berdasarkan statistik JKM sehingga Mac 2019, bilangan warga emas sebatang kara yang didaftarkan di institusi JKM adalah seramai **1,647** orang yang diberi penjagaan dan perlindungan di sembilan (9) buah Rumah Seri Kenangan (RSK) dan dua (2) buah Rumah Ehsan (RE). Daripada jumlah tersebut, **646 orang adalah perempuan manakala 1,001 orang adalah lelaki**. Warga emas ini akan terus tinggal di RSK dan RE kerana hidup sebatang kara dan tiada waris yang dapat menjaga mereka.

Penghuni institusi warga emas JKM ini tidak menerima bantuan kewangan kerana mereka telah diberi penjagaan dan perlindungan di institusi-institusi yang tersebut.

Bagi status Bantuan Sara Hidup (BSH) untuk tahun 2019, **permohonan secara berkelompok telah dibuat untuk penghuni RSK dan RE yang layak melibatkan 839 orang dari RSK dan 133 orang dari RE dengan**

NO SOALAN: 8

jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 972 orang. Namun, permohonan tersebut masih lagi dalam tindakan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Secara dasarnya Kementerian ini prihatin kepada golongan sasar Warga Emas dan tidak hanya tertumpu kepada warga emas sebatang kara sahaja termasuklah warga emas yang tinggal bersama dengan ahli keluarga.

NO SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan telah banyak institut, kolej dan universiti ditubuhkan di seluruh negara, mohon Kementerian untuk menyenaraikan berapakah bilangan institusi pengajian ini yang telah diiktiraf, yang tidak diiktiraf dan yang belum diiktiraf oleh Kerajaan.

NO SOALAN: 9

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, tidak timbul isu pengiktirafan memandangkan semua institusi pendidikan yang beroperasi telah didaftarkan dan dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdasarkan Akta Pendidikan 1996.

Sehingga kini hanya terdapat 20 buah universiti awam (UA) di bawah kawalan KPM dan Kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan UA. Ini memandangkan UA sedia ada adalah mencukupi dan mampu untuk menampung keperluan negara dari segi lokasi, tenaga pengajar dan bidang pengajian yang ditawarkan.

Politeknik yang ditubuhkan di bawah perenggan 34 (1)(c) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan kolej komuniti ditubuhkan melalui Memorandum No. 398/2225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. Kini telah terdapat 36 buah politeknik dan 100 buah kolej komuniti telah beroperasi di seluruh negara.

Semua program pengajian yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti telah mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan program pengajian yang ditawarkan telah didaftarkan dengan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

NO SOALAN: 9

Selain daripada itu, bilangan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) pula yang berdaftar dengan kerajaan sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak 450 buah. Pecahan IPTS tersebut adalah terdiri daripada 53 buah universiti, 10 buah Kampus Cawangan Universiti Luar Negara, 38 Kolej Universiti dan 349 buah IPTS bertaraf Kolej.

Perakuan pendaftaran dan pembaharuan perakuan pendaftaran adalah berdasarkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Akta 555. Pembaharuan pendaftaran hanya akan diluluskan sekiranya IPTS memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar iaitu IPTS mestilah berdaya maju seperti mempunyai premis yang kondusif dan selamat, mempunyai bilangan pelajar yang mencukupi serta mempunyai kelulusan kursus yang telah memperolehi akreditasi penuh.

Selain itu, bagi memastikan jaminan kualiti institusi pendidikan tinggi (IPT), KPM juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk mengukur peningkatan kualiti IPT. Sistem penarafan yang dimaksudkan adalah Malaysia Rating for University and College University Excellent (SETARA), Malaysian Quality Evaluation System (MyQUEST) dan Malaysia Research Assessment (MyRA). Antara indikator terlibat dalam penilaian penarafan ini adalah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi dan jaringan & jangkauan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti.

NO SOALAN: 9

Walau bagaimanapun, KPM telah melaksanakan moratorium ke atas penubuhan IPTS baharu sehingga 31 Disember 2020. Pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS bertujuan untuk melestarikan perkhidmatan IPTS terutama dari segi kewangan dan melahirkan IPTS yang lebih kompetitif. Pelaksanaan moratorium ini juga dapat memfokuskan pelaksanaan rasionalisasi dan konsolidasi sektor pendidikan swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula IPTS. Dalam hal ini, kelestarian pembangunan IPTS dan meningkatkan kualiti program yang ditawarkan di samping memastikan graduan yang dilahirkan adalah memenuhi keperluan masa depan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan JAKOA dalam usaha meminda dan menyemak Akta 134 (Akta Orang Asli), kini sudah 65 tahun, kurang relevan dengan cabaran Masyarakat Orang Asli Malaysia Baharu hari ini.

NO SOALAN: 10

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974 . Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mendaftarkan Akta 134 ke dalam senarai Akta untuk pindaan oleh pihak Kerajaan yang dipantau oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) pada Januari 2019.

Cadangan pindaan ini bertujuan untuk menambahbaikkan peruntukan perundangan untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli. Antara cadangan pindaan Akta 134 adalah untuk menyediakan peruntukan perundangan untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli, menyediakan definisi Orang Asli secara menyeluruh, mengambil kira hak-hak utama Orang Asli dalam *Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDRIP), menyediakan mekanisme penyelesaian sekiranya berlaku pencabulan terhadap hak-hak Orang Asli, perluasan pewartaan tanah Orang Asli dan kaedah pampasan berdasarkan keputusan-keputusan mahkamah yang telah diputuskan, Konsep Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT) dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan perlindungan Pengetahuan Tradisi Orang Asli. Selain itu Jabatan juga akan meneliti isu-isu berbangkit seperti pertindihan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan kawasan penempatan Orang Asli termasuk pegiktirafan tanah adat yang dituntut oleh masyarakat Orang Asli.

Bagi memastikan pindaan yang dilaksanakan memenuhi aspirasi masyarakat Orang Asli, pihak JAKOA telah menganjurkan Konvensyen

NO SOALAN: 10

Orang Asli Kebangsaan 2019 pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) untuk mendapatkan maklumbalas dan input daripada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli. Resolusi daripada konvensyen ini akan dijadikan sebagai asas kepada pindaan Akta 134 agar selari dengan keperluan masyarakat Orang Asli.

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NGA HOCK CHEH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Nga Hock Cheh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nisbah pelajar lelaki dan perempuan yang berdaftar untuk darjah 1 bagi tahun 2013 hingga 2018.

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik daripada tahun 2013 hingga 2018 menunjukkan nisbah murid lelaki dan perempuan yang berdaftar untuk Tahun 1 adalah menghampiri satu nisbah satu (1 : 1). Bagi tahun 2013 nisbah murid lelaki dan perempuan yang berdaftar untuk Tahun 1 adalah 1.09 : 1.03 dan bagi tahun 2018 nisbah murid lelaki dan perempuan yang berdaftar untuk Tahun 1 adalah 1.05 : 1.00.

Walau bagaimanapun dalam konteks di Malaysia, kadar penyertaan kanak-kanak ke Tahun 1 bergantung kepada kadar kelahiran kanak-kanak. Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan *Gender Parity Index* (GPI) bagi mengukur akses relatif pendidikan antara lelaki dan perempuan. Indeks ini merupakan indeks antarabangsa yang diguna pakai oleh *UNESCO*.

GPI adalah peratus kemasukan murid perempuan berbanding dengan peratus kemasukan murid lelaki dalam tahun semasa. GPI bersamaan dengan satu menunjukkan sesebuah negara telah mencapai kesaksamaan antara lelaki dan perempuan. GPI bagi kanak-kanak Tahun 1 untuk tahun 2013 hingga 2018 adalah dalam lingkungan 1.01. Ini menunjukkan pendidikan di peringkat rendah iaitu Tahun 1 di Malaysia telah mencapai kesaksamaan antara perempuan dan lelaki.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan-cadangan yang telah direkodkan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menangani masalah pendatang tanpa izin di Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Menyusuli pengumuman hasil dapatan dan juga rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun. Antara tindakan yang telah dilaksanakan Kerajaan melalui JKPWAS adalah seperti berikut:-

- a. **Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah.** Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 09 April 2019 yang berjumlah seramai 581,085 orang;
- b. Kedua, **kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal.** Kerjasama ini menghasilkan impak positif dan dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu

NO SOALAN: 12

berbanding tempoh 2 hingga 3 bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;

- c. Ketiga, **JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program** serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainnya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan
- d. Keempat, pihak **Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah** yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi warganegara dan bukan warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada warganegara sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Kementerian juga telah membentangkan Memorandum Daripada Menteri Dalam Negeri berhubung Hala Tuju Baharu JKPWAS kepada Jemaah Menteri pada 05 April 2019** yang lalu dengan cadangan supaya platform JKPWAS ini diteruskan dan diperkukuhkan untuk meningkatkan lagi keyakinan serta

NO SOALAN: 12

kepercayaan rakyat terhadap usaha proaktif Kerajaan dalam menguruskan isu-isu warga asing di Sabah dan keselamatan Sabah secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan program "Food Bank" di seluruh universiti sama ada awam ataupun swasta mampu membantu pelajar-pelajar khususnya B40 dalam menangani isu mahasiswa ikat perut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program *Foodbank* Malaysia merupakan satu inisiatif kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Disember 2018 bagi membantu meringankan beban golongan B40 yang memerlukan termasuklah pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT). Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada KPNDHEP bagi penyediaan 14 buah lori dilengkapi pendingin (*chiller*) bertujuan untuk pengedaran makanan kepada golongan yang memerlukan.

Ini merupakan sebuah inisiatif awam-swasta untuk memperluaskan capaian bank-bank makanan yang ditubuhkan NGO dan pihak swasta serta dapat memastikan bantuan disampaikan kepada mereka yang memerlukan dan kumpulan sasaran. Sebagai permulaan, pihak Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipilih sebagai universiti perintis kepada program ini dan akan diperluaskan ke IPT lain dalam masa yang terdekat.

Selain itu, Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) berjumlah RM100.00 telah diumumkan oleh Kerajaan kepada setiap pelajar di IPT pada 28 Mac 2019 berfokus kepada keperluan pendidikan pembelajaran memandangkan pelbagai agensi, badan bukan kerajaan dan Kementerian lain telah menyantuni pelajar dengan bantuan makanan.

NO SOALAN: 13

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, bermula pada tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kerjasama pintar dengan pihak Yayasan Tenaga Nasional Berhad dalam menawarkan satu bentuk tajaan baru yang dipanggil Dermasiswa *MyBrighter Future* (MyBF) kepada kumpulan pelajar dari kelompok B40.

Program MyBF ini difokuskan hanya kepada pelajar miskin dari kelompok B40 bagi pengajian Ijazah Pertama dalam bidang TVET/ STEM dan perakaunan di tujuh (7) Universiti Awam (UA) iaitu UTHM, UniMAP, UTeM, UMP, UMS, UniMAS dan UiTM. Penawaran Dermasiswa ini dibuat secara automatik berdasarkan kepada kelayakan pelajar melalui penawaran kod bidang dalam sistem UPU yang dipadankan dalam data e-Kasih dari ICU, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2018, sejumlah 945 orang pelajar telah ditawarkan Dermasiswa MyBF ini.

Pada tahun 2019, program MyBF akan diperluaskan lagi bagi pengajian daripada peringkat sijil di Kolej Komuniti dan juga Diploma di Politeknik yang terpilih dan tujuh (7) UA yang disebutkan tadi. Kementerian menjangkakan sejumlah 4,000 tempat akan ditawarkan bagi sesi pengajian Semester 1, 2019/ 2020 kepada pelajar dari kumpulan B40 seperti pecahan berikut:

1. 1,000 tempat di peringkat sijil di Kolej Komuniti;
2. 1,000 tempat di peringkat Diploma di Politeknik;
3. 1,000 tempat di peringkat Diploma di UA terlibat; dan
4. 1,000 tempat di peringkat Ijazah Pertama di tujuh (7) UA di atas.

NO SOALAN: 13

Dengan kejayaan penawaran program MyBF hasil daripada kerjasama antara KPM dan Yayasan TNB ini, Kementerian mengalu-alukan lebih banyak kerjasama seumpama dari mana-mana pihak seperti Yayasan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mahupun syarikat swasta yang ingin melaksanakan program tajaan seumpama dalam membantu pelajar B40 di IPTA tempatan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan projek (MRT2) dan (LRT3) yang dipelopori oleh Kerajaan Barisan Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Pakatan Harapan telah memutuskan untuk menyambung semula Projek MRT Laluan 2 dan Projek LRT 3. Keputusan penyambungan semula kedua-dua projek mega ini dicapai setelah Kerajaan Pakatan Harapan berjaya merunding dan mengurangkan kos pembinaan secara signifikan seterusnya dapat membantu mengurangkan bebanan hutang Kerajaan.

Kos pembinaan Projek MRT Laluan 2 yang menghubungkan Putrajaya – Serdang – Sg. Buloh telah berjaya dijimatkan sebanyak RM8.82 bilion setelah persetujuan dicapai hasil daripada rundingan antara kerajaan dan MMC Gamuda yang sebelum ini memainkan peranan sebagai rakan pelaksana projek (*project delivery partner* atau PDP) dan juga kontraktor bagi kerja-kerja bawah tanah.

Manakala bagi Projek LRT3, Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya berunding dengan pelaksana projek iaitu MRCB-George Kent untuk mengurangkan kos pembinaan sebanyak RM15.02 bilion seterusnya kos keseluruhan dapat dikurangkan daripada RM31.65 bilion kepada RM16.63 bilion.

NO SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memupuk perpaduan dan integrasi kaum bermula dari sekolah rendah hingga menengah apabila sekolah kebangsaan ini tidak mendapat tempat di hati bangsa lain, sedangkan sekolah kebangsaan ini bukanlah sekolah untuk orang Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam aspek memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid di sekolah. Kementerian menyedari bahawa untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan menjadi titik mulanya. Bagi memastikan usaha perpaduan dan integrasi kaum berlaku dan mendapat impak yang optimum, KPM telah memfokuskan terhadap aktiviti atau program yang melibatkan murid, guru dan pihak pentadbir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, usaha ini dilaksanakan di semua sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan.

KPM di bawah Inisiatif #110 Pembangunan Nilai, Sahsiah dan Perpaduan di Sekolah, melaksanakan penerapan nilai dan perpaduan melalui program-program yang menekankan empat (4) nilai teras iaitu kasih sayang, hormat menghormati, tanggungjawab dan kegembiraan bagi melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika, efektif dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan negara bangsa yang mampan dan inklusif.

Selaras dengan inisiatif tersebut, KPM telah mengedarkan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia ke semua sekolah di seluruh negara melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 tahun 2018 bertarikh 9 November 2018. Garis Panduan ini bertujuan untuk

NO SOALAN: 15

memberi panduan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah KPM.

Pengetua dan guru besar sememangnya berperanan besar dalam menerapkan nilai perpaduan secara holistik, berterusan dan menjadi budaya dalam kalangan warga sekolah dengan menggalakkan aktiviti berbentuk perpaduan merentasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, Hal Ehwal Murid dan Ko-kurikulum.

Walau bagaimanapun, usaha ini tidak harus terhenti di peringkat sekolah sahaja. Semua pihak termasuk Persatuan Ibu Bapa-Guru, badan bukan kerajaan, syarikat swasta dan komuniti perlu bersama-sama dengan pihak sekolah terlibat dan bekerjasama menawarkan perkhidmatan dan sokongan dalam program berbentuk perpaduan untuk membina masyarakat yang bersatu padu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
TARIKH : 25 APRIL 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menyiasat semula kes kematian mendiang Sie Swie Yin di Hospital KPJ Damansara akibat kecuaiian Dr. Chong Yip Boon sebagaimana dilaporkan oleh Jawatankuasa Siasatan Lembaga Perubatan Malaysia dengan syor beberapa pendakwaan yang boleh dikenakan ke atas Dr. Chong Yip Boon sebaliknya tiada sebarang tindakan diambil oleh KPJ Damansara, mahupun Kementerian Kesihatan atau Lembaga Perubatan Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Majlis Perubatan Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Perubatan 1971 dan Peraturan - Peraturan Perubatan 1974. Di samping itu juga, Majlis Perubatan Malaysia turut mempunyai *Code of Professional Conduct* dan garis panduan – garis panduan yang spesifik untuk mengendalikan siasatan ke atas aduan yang dibuat terhadap Pengamal Perubatan Berdaftar. Segala tindakan Majlis perlulah berlandaskan kepada Akta Perubatan 1971, Peraturan – Peraturan Perubatan 1974, *Code of Professional Conduct* dan garis panduan – garis panduan yang sedia ada.

Majlis Perubatan Malaysia telah menerima satu aduan dari Komander (B) Tan Khai Poh pada 25 Mei 2016. Aduan ini telah diisbatkan (*sanctioned*) oleh Presiden Majlis Perubatan Malaysia ke Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan II pada 4 Julai 2016. Aduan ini telah disiasat di bawah Akta Perubatan 1971 dan Peraturan Perubatan 1974.

Pengadu, Komander (B) Tan Khai Poh, tidak berpuas hati dengan rawatan yang telah diberi kepada mendiang isteri beliau, Puan Sie Swie Yin oleh Dr. Chong Yip Boon. Menurut pengadu, mendiang telah jatuh di bilik air pada 12 Mac 2016 dan telah dibawa ke Jabatan Kecemasan KPJ Damansara dengan aduan sakit di bahagian kaki kanan pada 16 Mac 2016.

Mendiang telah dirujuk kepada Pakar Nefrologi Dr. Chong Yip Boon. Dr. Chong Yip Boon telah memberi rawatan drip intravena serta antibiotik.

NO SOALAN: 16

Pengadu tidak berpuas hati kerana mendiang hanya dirujuk kepada Pakar Ortopedik Dr. Robert Penafort setelah diminta oleh beliau pada 18 Mac 2016.

Pada 19 Mac 2016, pengadu dimaklumkan bahawa mendiang telah mengalami koma dan CPR telah dijalankan, tetapi mendiang telah meninggal dunia. Sebab kematian telah dinyatakan sebagai '*Severe Septicaemia / Septic shock due to Acute Cholecystitis with ascending cholangitis*'.

Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan II yang telah bermesyuarat pada 12 Ogos 2016 telah memutuskan untuk mengadakan penyiasatan terhadap kes dan menetapkan tarikh 7 Oktober 2016 sebagai tarikh pendengaran kes. Walau bagaimanapun, peguam Responden telah mengemukakan permohonan penangguhan kerana perlu menghadiri perbicaraan di Mahkamah pada tarikh tersebut. Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan II seterusnya memutuskan menangguhkan pendengaran kes ke tarikh 2 Disember 2016.

Pendengaran pertama kes telah dijalankan pada 2 Disember 2016 di mana pengadu telah selesai memberi kenyataan berkenaan aduan. Sambungan pendengaran kes telah diadakan pada 3 Mac 2017 di mana peguam Responden telah selesai menyoal-balas (*cross examine*) pengadu berdasarkan kenyataan yang diberi oleh pengadu pada pendengaran sebelumnya. Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan II kemudian telah memutuskan bahawa terdapat asas kepada pertuduhan dan menetapkan

NO SOALAN: 16

Responden untuk menjawab pertuduhan di bawah Peraturan 29(4)(b), Peraturan Perubatan 1974.

Pendengaran di peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan telah diadakan pada 28 Julai 2017 dan responden telah mengemukakan pembelaan ke atas tuduhan. Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan telah meneliti fakta – fakta yang telah dikemukakan dan memutuskan tiada tindakan diambil ke atas Responden Dr. Chong Yip Boon selaras dengan Peraturan Perubatan 29(4)(a). Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan telah mendapati Dr. Chong Yip Boon mempunyai rekod perubatan yang baik dan telah mengamalkan *Good Medical Practice* dan telah patuh kepada *Code of Professional Conduct*.

Keputusan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia ke 367 pada 19 September 2017 dan telah dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pelajar atau keluarga yang mendaftar untuk melaksanakan 'homeschool' semenjak tahun 2003 hingga kini mengikut negeri; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk memastikan pelajar 'homeschool' ini memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Negara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh 2003 hingga 2012, tiada sebarang permohonan diterima oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) daripada ibu bapa/penjaga untuk melaksanakan *home schooling*. Namun, bagi tempoh enam (6) tahun bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Mac 2019, KPM telah menerima sebanyak 13 permohonan untuk melaksanakan *home schooling*. Daripada jumlah tersebut, lima (5) permohonan dari Johor; dua (2) permohonan masing-masing dari Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan satu (1) permohonan masing-masing dari Kedah dan Perak.

Dua (2) permohonan yang diluluskan melibatkan dua (2) orang murid, seorang dari negeri Kedah dan seorang lagi dari Negeri Sembilan yang menghadapi masalah kesihatan kronik di mana mereka tidak dapat menguruskan diri sendiri. Walau bagaimanapun, kelulusan ini akan terbatal dengan sendirinya apabila murid berdaftar dan bersekolah di mana-mana sekolah rendah lain.

- (b) Bagi memastikan murid yang mengikuti pembelajaran secara *home schooling* memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi, iaitu:

1. tempoh pengecualian adalah mengikut tempoh yang dimohon sahaja;

NO SOALAN: 17

2. persekolahan di rumah (*home schooling*) yang dijalankan hendaklah menggunakan buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR); dan
3. membenarkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan membuat pemantauan pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian melakukan pemantauan harga makanan yang dijual di kawasan-kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di seluruh rangkaian lebuh raya di Malaysia kerana harga makanannya sangat mahal dari tempat lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa memastikan penguatkuasaan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan harga barangan berada pada tahap terkawal dan berpatutan.

Sehubungan itu, Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh ke atas semua premis perniagaan, ini termasuklah kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di seluruh rangkaian lebuh raya di Malaysia. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai **laporan trend harga barang** dan **tindakan penguatkuasaan** sekiranya berlaku kenaikan harga. Bagi Januari 2018 hingga Mac 2019 sebanyak 197,778 pemeriksaan telah dijalankan di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut sebanyak 7 kertas siasatan telah dibuka.

Selain pemeriksaan secara fizikal oleh pegawai penguatkuasa, Kementerian turut memperkukuhkan pemantuan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain, **Pegawai Pemantau Harga** yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Kementerian;

- i. ***Friends Of KPDNHEP (FOK)*** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan

NO SOALAN: 18

maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan

- ii. **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan penggawa** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan.

Sekiranya peniaga dengan sengaja menaikkan harga tanpa alasan-alasan yang munasabah dengan niat untuk membuat keuntungan tinggi yang berlebihan, Kementerian boleh bertindak di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 yang mula berkuatkuasa pada 6 Jun 2018.

NO SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah Program Dua Bahasa (Dual Language Programme) ini dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah bandar dan di luar bandar; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan lebih banyak sekolah diberi peluang menjalankan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga April 2019 sebanyak 1,361 buah sekolah, iaitu 708 buah sekolah menengah dan 653 sekolah rendah melaksanakan *Dual Language Programme* (DLP) di seluruh negara. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 862 buah sekolah merupakan sekolah di bandar, manakala 499 buah sekolah adalah sekolah di luar bandar.

DLP merupakan satu program yang memberi pilihan kepada pihak sekolah untuk memohon untuk menyertai program ini berdasarkan empat (4) kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) KPM iaitu:

1. Sekolah mempunyai sumber yang mencukupi;
2. Pengetua/Guru Besar (PGB) mempunyai perancangan untuk melaksanakan DLP;
3. Permohonan daripada ibu bapa/penjaga; dan
4. Pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Bilangan sekolah yang menyertai DLP berdasarkan kriteria tersebut menunjukkan bahawa program ini boleh dilaksanakan sama ada di sekolah bandar atau di sekolah luar bandar.

NO SOALAN: 19

- (b) KPM memberi tumpuan dalam memastikan sekolah yang melaksanakan DLP dapat meneruskan kelestarian program sehingga murid menamatkan persekolahan Tahun Enam bagi sekolah rendah dan Tingkatan Lima bagi sekolah menengah. Di samping itu, KPM juga mengambil tindakan untuk memastikan kesinambungan pembelajaran murid dari sekolah rendah ke peringkat menengah. Bagi menampung keperluan dan kesinambungan murid DLP dari sekolah rendah ke sekolah menengah, sebanyak 84 buah sekolah menengah baharu akan melaksanakan DLP menjelang tahun 2024, iaitu 24 buah sekolah bagi tahun 2020, 47 buah sekolah bagi tahun 2023 dan 13 buah sekolah bagi tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah reformasi terhadap perjalanan pilihan raya yang adil dan telus di negara ini boleh ditingkatkan integritinya melalui pelaksanaan pengundian secara elektronik (e-undi) seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang mengadakan libat urus (*engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti badan bukan Kerajaan (NGO) tempatan dan antarabangsa bagi meneliti kesesuaian terhadap cadangan kaedah pengundian secara elektronik (e-undi). Penggunaan kaedah ini juga melibatkan implikasi kewangan dan tahap penerimaan yang berbeza oleh *stakeholders* yang terlibat. SPR juga sedang meneliti dan mengkaji kebaikan serta kesesuaian penggunaan kaedah tersebut dan akan mencadangkannya kepada Kerajaan jika didapati sesuai untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan graduan-graduan dari maktab dan universiti swasta dari bidang perguruan, farmasi, serta kedoktoran yang masih menunggu untuk ditempatkan di bidang masing-masing dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses penempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sehingga Februari 2019, seramai 1,673 orang graduan perubatan daripada universiti swasta yang berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sedang menunggu untuk mendapat tempat bagi menjalani latihan siswazah. Manakala, tiada graduan farmasi yang menunggu untuk pelantikan sebagai Pegawai Farmasi Gred UF41 di KKM.

KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah tersebut iaitu:

1. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Sehubungan dengan ini penempatan boleh dibuat tidak bergantung kepada perjawatan dan hanya bergantung kepada slot latihan;
2. meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) dari 38 HLS pada tahun 2009 kepada 47 buah HLS pada tahun 2018.
3. menambah bilangan penempatan alternatif daripada 5 penempatan kepada 9 penempatan di Klinik-klinik Kesihatan dan Institusi Kesihatan Mental;

NO SOALAN: 21

4. membuat pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) setiap 2 bulan iaitu dalam 6 kali setahun.
5. melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021; dan
6. meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan.

Manakala bagi graduan pendidikan, urusan pelantikan guru baharu untuk ditempatkan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik. Dalam konteks pelantikan guru baharu, permohonan pengisian adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran melalui urusan perlantikan yang dilaksanakan dari masa ke semasa.

Untuk urusan pengisian yang berikutnya, seramai 2253 graduan IPGM akan bergraduat pada Jun 2019 dan graduan daripada Universiti akan dipanggil untuk ditemuduga oleh SPP dijangka pada bulan Julai 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Petronas akan membina sambungan laluan paip gas Peninsular Gas Utilisation (PGU) dari Kerteh ke negeri Kelantan untuk melengkapkan sambungan bekalan gas di Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jarak pemasangan saluran paip gas bagi Projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) dari Kerteh, Terengganu ke Kota Bharu, Kelantan dianggarkan sepanjang kira-kira 280km.
2. Projek sebesar ini memerlukan modal yang besar, justeru, permintaan gas jangka panjang yang mencukupi adalah kritikal bagi memastikan kestabilan operasi projek serta pulangan jangka panjang yang sewajarnya kepada pelabur.
3. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan *East Coast Economic Region* (ECER) dalam mengenal pasti permintaan gas di negeri Kelantan. Hasil perbincangan tersebut mendapati bahawa permintaan gas di negeri Kelantan masih rendah dan tidak ekonomikal untuk dipenuhi melalui saluran paip gas.
4. Justeru, PETRONAS buat masa ini tiada rancangan untuk membina sambungan saluran paip gas bagi Projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) dari Kerteh, Terengganu ke negeri Kelantan.

NO SOALAN: 22

5. Sebagai alternatif yang lebih ekonomikal, permintaan gas asli di negeri Kelantan masih boleh dipenuhi melalui penghantaran trak, atau lebih dikenali sebagai "*virtual pipeline*".

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah diambil oleh Kerajaan bagi melindungi semua agama dari dihina oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan mencegah dengan mewujudkan unit yang serupa dengan Unit Pemantauan Isu Hina Agama Islam bagi tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kerajaan juga tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman dan perbuatan yang cuba dilakukan oleh pihak tertentu yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian yang rakyat nikmati selama ini. Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis memandang serius isu berkenaan terutamanya kes penghinaan agama, kaum dan institusi diraja dengan mengambil tindakan secepat mungkin terhadap pelaku tersebut dengan membuat tangkapan dan pendakwaan.

Pada masa ini semua siasatan kes-kes yang telah dilaporkan berkaitan isu penghinaan agama, kaum dan institusi diraja telah diambil alih dan dipantau oleh Unit Siasatan Jenayah Terkelas, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman. Tindakan tegas telah diambil dengan membuka kertas siasatan di bawah Akta Hasutan, Kanun Keseksaan mahupun Akta Komunikasi Dan Multimedia bagi memastikan keharmonian antara kaum terus terjaga.

NO SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD
NORDIN
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan anggota bomba dan penyelamat yang mempunyai kepakaran dalam menangani bahaya biologi dan penangkapan haiwan berbisa serta berapakah bilangan kes yang direkodkan bagi kedua-dua kes sehingga Mac 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat **17 Pasukan Pengurusan Bahan Berbahaya** atau dikenali sebagai *Hazardous Material Unit Team (HAZMAT)* di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh negara dengan keahliannya seramai **578 orang pegawai bomba**.
2. Pasukan-pasukan ini ditempatkan di balai-balai bomba yang berada di kawasan berisiko tinggi dan terdedah kepada sumber bahan-bahan kimia seperti di kawasan-kawasan perindustrian. Setiap pasukan dilengkapi dengan **sebuah jentera HAZMAT** bagi mengendalikan insiden melibatkan bahan kimia dan bahan berbahaya.
3. Selain bahan kimia berbahaya dan radioaktif, pasukan HAZMAT turut menangani **bahaya biologi**. Sehingga kini, **2 kes** bahaya biologi telah dikendalikan oleh pasukan HAZMAT JBPM iaitu operasi '**Serbuk Putih**' di Putrajaya pada 13 November 2015 dan kes **Virus Nipah** di Bukit Pelanduk pada September 1998 hingga Mei 1999.
4. Manakala dalam kes pengendalian **haiwan berbisa, sekurang-kurangnya 3 orang** anggota bomba di setiap balai bomba akan dilatih untuk menangani kes-kes kecemasan yang melibatkan tangkapan haiwan berbisa seperti ular. Mereka perlu menjalani kursus

NO SOALAN: 24

pengendalian haiwan berbisa di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia atau pusat latihan bomba di negeri-negeri.

5. Selain daripada itu, JBPM juga telah **menjalinkan kerjasama** dengan **Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Jabatan PERHILITAN)** bagi tujuan **meningkatkan kepakaran** pengendalian haiwan berbisa dalam kalangan anggota bomba. Secara keseluruhannya, JBPM telah menghadiri **53,338 kes** bantuan menangkap haiwan berbisa sejak tahun **2016 hingga 2018**.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan dan status ekonomi digital di Malaysia serta langkah-langkah persediaan ke arah ekonomi digital yang dapat merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Perkembangan ekonomi digital di Malaysia berkembang pesat sejajar dengan matlamat untuk mencapai sasaran sumbangan sector ICT kepada ekonomi negara sebanyak 20% pada tahun 2020. Berdasarkan laporan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTSA) pada tahun 2017, sumbangan sektor ICT kepada ekonomi negara adalah sebanyak 18.3% atau RM247.1 bilion, berbanding 18.2% atau RM224.0 bilion pada tahun 2016.

2. Di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-11, pemerksaan ekonomi negara di dalam era digital akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan asas ekonomi untuk memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi berasaskan kepada inovasi, kreativiti dan aktiviti bernilai tambah tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan telah menggariskan beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 hingga 2020, seperti:
 - (i) Menambah baik infrastruktur digital dengan meningkatkan ketersambungan jalur lebar melalui National Fiberisation and Connectivity Plan, meningkatkan kemampuan langganan dan kualiti jalur lebar serta migrasi kepada televisyen terrestrial digital;

NO SOALAN: 25

- (ii) Mempergiatkan penerimgunaan teknologi digital dengan lebih meluas termasuk kecerdasan buatan (AI), reality maya, robotik, teknologi kewangan (fintech) dan internet benda (IoT);
 - (iii) Menggalakkan penggunaan ICT dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan juga membangunkan ekosistem sokongan bagi membina industri ekonomi digital yang mampan;
 - (iv) Memperkukuh keupayaan sendiri dalam keselamatan siber, menambah baik penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) ICT dengan memperkukuh kerjasama antara institut penyelidikan awam, institut pengajian tinggi dan industry; dan
 - (v) Menggalakkan penghasilan kandungan digital seperti animasi dan permainan elektronik, menggalakkan lebih banyak penggunaan teknologi digital serta menyediakan sokongan kawal selia ke arah mewujudkan masyarakat tanpa tunai.
3. Selain itu, usaha akan dipergiat untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi mengembangkan lagi aktiviti e-dagang di Malaysia. Melalui Majlis e-Dagang Kebangsaan (NeCC) yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pelan strategik rentas sempadan dan inisiatif pembangunan ekosistem e-dagang akan diperkukuhkan selain memantau pelaksanaan National e-Commerce Strategic Roadmap (NeSR) bagi memperkasa kerjasama

NO SOALAN: 25

dan penyelarasan antara kementerian, agensi dan industri berkenaan e-dagang.

4. Kerajaan percaya pelaksanaan inisiatif bagi merancakkan ekonomi digital akan memacu pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih pesat di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) kedudukan nilai komoditi sawit di pasaran antarabangsa; dan
- (b) apakah tanaman alternatif yang difikirkan sesuai jika nilai sawit terus merudum dan ditolak oleh negara-negara European Union (EU) demi menjaga kelangsungan hidup para peneroka.

JAWAPAN

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri sawit Malaysia merupakan industri komoditi utama negara yang menjana pendapatan eksport negara sebanyak RM67 billion pada tahun 2018. Industri ini juga menyumbang sebanyak 4.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun lalu. Untuk makluman, minyak sawit adalah salah satu minyak sayuran utama di antara 17 jenis minyak sayuran yang diperdagang di pasaran antarabangsa.

JAWAPAN (b):

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi mengurangkan tahap bergantungannya sepenuhnya kepada hasil sawit, terutama apabila harga komoditi ini menurun, pilihan terbaik bagi pekebun kecil adalah dengan melaksanakan integrasi tanaman. Kaedah ini akan dapat menghasilkan pendapatan tambahan bagi meningkatkan ekonomi pekebun kecil. Pelbagai jenis tanaman telah dikenalpasti sesuai dan menguntungkan apabila diintegrasikan dengan sawit.

Untuk makluman, pihak Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalankan pelbagai kajian kesesuaian dan daya maju integrasi tanaman dengan sawit. Pekebun kecil sawit amat digalakkan

NO SOALAN: 26

untuk melaksanakan projek-projek integrasi tanaman yang sesuai ketika sawit kurang daripada 3 tahun. Pelbagai jenis tanaman jangka pendek adalah sesuai untuk diintegrasikan di antara baris-baris sawit selepas program penanaman semula atau penanaman baru sawit siap dilaksanakan.

Tanaman seperti pisang berangan, pisang tanduk, kacang tanah, nanas, tebu kuning, keledak, padi huma, tembikai, jagung manis, betik, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman singkat adalah sesuai ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda. Strategi memaksimumkan penggunaan tanah ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

MPOB juga telah membangunkan sistem tanaman sawit yang dikenali sebagai sistem tanaman sawit dua baris kembar. Sistem tanaman sawit dua baris kembar ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang dan tidak terhad ketika umur sawit masih muda.

Selain tanaman jangka pendek, tanaman jangka panjang juga sesuai diintegrasikan pada sistem sawit dua baris kembar. Antara jenis tanaman yang telah dikaji sesuai untuk diintegrasikan dengan sawit sistem dua baris kembar ialah pisang berangan, pisang tanduk, baktris, kacang tanah, nanas, tebu kuning, keledak, tembikai, jagung manis, tongkat ali, sekoi, lada hitam dan salak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang harga tiket kapal terbang MAS WING yang diberikan subsidi oleh Kementerian Pengangkutan tetapi merupakan harga tiket kapal terbang paling mahal dalam negara dari Labuan - Kota Kinabalu - Labuan (Sehala RM196.00).

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Perkara ini juga terpakai terhadap kadar tambang yang dikenakan bagi laluan Kota Kinabalu – Labuan, yang juga merupakan salah satu laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services* – RAS) iaitu sebanyak RM137 sahaja. Harga tiket kapal terbang bagi laluan Kota Kinabalu – Labuan yang dikenakan oleh MASwings sebanyak RM196 adalah termasuk bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj.
2. Kajian semula RAS yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Malaysian Aviation Commission- MAVCOM) pada tahun 2017 mendapati mekanisma penetapan siling kadar tambang perlu ditambah baik bermula pada tahun 2019 dengan penetapan satu kadar tambang tanpa caj-caj lain yang dikenakan oleh operator seperti surcaj bahan api (*fuel surcharge*). Pada masa ini, MAVCOM sedang mengkaji siling kadar tambang yang baru bagi menyesuaikan dengan penetapan satu kadar tambang ini termasuk bagi laluan Kota Kinabalu – Labuan ini.
3. Kajian semula siling kadar tambang ini akan dilaksanakan dengan lebih kerap dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan operator mengikut

NO SOALAN: 27

keperluan semasa. Kerajaan akan memaparkan harga siling tambang bagi setiap laluan setelah kajian dilaksanakan dari semasa ke semasa.

4. Berkaitan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada MASwings, adalah perlu untuk difahami bahawa subsidi yang disediakan adalah bagi menampung kerugian oleh MASwings yang melaksanakan perkhidmatan udara luar bandar tersebut sebagai memenuhi Obligasi Perkhidmatan Awam dan bukanlah secara terus kepada harga tambang. Sekiranya harga yang lebih rendah ditetapkan oleh Kerajaan dan MASwings bagi penerbangan luar bandar ini, kerugian MASwings akan meningkat dan seterusnya menyebabkan bebanan subsidi yang lebih tinggi kepada Kerajaan.
5. Walau bagaimanapun, sebagai usaha untuk tidak membebankan rakyat, Kerajaan akan tetap memantau dan menetapkan siling kepada harga tambang ini agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar pada kadar harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 25 APRIL 2019

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi melengkapkan hospital lain khususnya Hospital Kerajaan di Penang dengan kemudahan setaraf dengan Institut Jantung Negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Pulau Pinang telah menyediakan Perkhidmatan Rawatan Jantung mulai tahun 1994 dan merupakan pusat jantung Kementerian Kesihatan Malaysia yang pertama. Dari segi perkhidmatan rawatan jantung yang disediakan di Hospital Pulau Pinang, ianya adalah setaraf dengan Institut Jantung Negara (IJN) di mana Hospital Pulau Pinang menyediakan spektrum penuh rawatan jantung yang terdiri daripada rawatan jantung dewasa dan kanak-kanak, merangkumi rawatan perubatan dan pembedahan. Pembedahan jantung pediatrik yang dijalankan di Hospital Pulau Pinang adalah untuk kes-kes tertentu sahaja di mana kes-kes pembedahan jantung pediatrik yang kompleks dirujuk ke IJN kerana kekurangan kepakaran.

Hospital Seberang Jaya juga sedang dalam proses dinaiktaraf dari segi perkhidmatan pembedahan jantung pediatrik. Projek naiktaraf hospital ini telah dimulakan pembinaannya pada pertengahan tahun 2016 dan dijangka siap pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah pelan Kerajaan Persekutuan untuk menarik pelaburan ke Kelantan; dan
- (b) berapakah pelaburan yang telah berjaya dilaksanakan di Kelantan setakat ini sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam usaha untuk menarik pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi ke dalam negara, termasuklah ke negeri Kelantan. Walaupun keputusan untuk menempatkan sesuatu projek pelaburan merupakan keputusan perniagaan oleh pelabur itu sendiri berdasarkan kajian pasaran mereka, Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk memastikan taburan projek-projek pelaburan adalah seimbang di seluruh negara.
2. Usaha ini adalah selaras dengan strategi pembangunan wilayah yang seimbang seperti yang digariskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Taburan projek pelaburan yang lebih seimbang ini adalah bagi memastikan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada projek-projek pelaburan, terutamanya dengan peluang pekerjaan dan peniagaan yang ditawarkan oleh projek-projek pelaburan di kawasan setempat.
3. Sehubungan ini, insentif khas iaitu Insentif bagi Kawasan Kurang Membangun (*Less Develop Area – LDA*) ditawarkan bagi para pelabur yang berhasrat untuk melabur di kawasan yang kurang membangun atau pedalaman. Ini adalah bagi menggalakkan pelaburan dan pembangunan di kawasan-kawasan tersebut. Insentif yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur bagi projek di bawah LDA ini secara amnya

NO SOALAN: 29

adalah lebih menarik berbanding insentif bagi projek yang dilaksanakan di kawasan yang lebih membangun.

4. Selain daripada itu, Kementerian melalui kerjasama erat agensi-agensi berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan sentiasa berusaha untuk menarik pelaburan, terutamanya di dalam industri-industri yang disasarkan/digalakkan. Antara usaha-usaha yang dijalankan di peringkat nasional termasuklah:
 - (i) menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara, termasuklah ke negeri Kelantan;
 - (ii) menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara bertujuan untuk menyebarkan dan memaklumkan kepada bakal pelabur tentang peluang-peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan;
 - (iii) menggalakkan pelaburan berkualiti, iaitu projek-projek yang berteknologi tinggi; mempunyai nilai tambah yang tinggi; berintensifkan pengetahuan dan kemahiran; berorientasikan eksport; berintensif modal, reka bentuk dan penyelidikan & pembangunan serta projek-projek yang melengkapkan ekosistem industri tempatan;
 - (iv) membangunkan ekosistem rangkaian bekalan tempatan dengan menganjurkan '*Supply Chain Conference*', dengan izin, bertujuan

NO SOALAN: 29

untuk mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat-syarikat tempatan, termasuk di Kelantan, terus mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan oleh syarikat-syarikat multinasional; dan

- (v) menganjurkan sesi dialog secara kerap di antara MITI/MIDA dengan Dewan Perdagangan dan Perniagaan (*Business Chambers*), dan persatuan-persatuan industri di negeri Kelantan bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek-projek mereka.
5. Secara khususnya, Jawatankuasa Pelaburan Negeri Kelantan (JPNK) telah ditubuhkan sebagai salah satu platform untuk menyeragamkan program-program pembangunan dan promosi pelaburan bagi agensi-agensi kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di negeri Kelantan. Kementerian juga sentiasa bekerjasama menerusi Jawatankuasa Promosi dan Penyelarasan Pelaburan Negeri Kelantan (JPPP) dan Jawatankuasa Teknikal Projek Pengumpulan, Pemprosesan Dan Pembungkusan (CPPC) oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh MIDA, terdapat dua projek pelaburan yang telah mula dilaksanakan di Kelantan dalam tempoh Jun

NO SOALAN: 29

hingga Disember 2018 bernilai RM35.2 juta yang mana ianya telah berjaya menyediakan 129 peluang pekerjaan.

7. Untuk makluman juga, bagi tahun 2018, sebanyak enam projek perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM101.24 juta telah diluluskan bagi negeri Kelantan. Projek-projek ini adalah di dalam sektor kayu, besi, pengangkutan, mesin dan makanan. Pelaburan ini dijangka akan menjana sebanyak 382 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan ini, dua projek berkaitan kayu dan logam asas melibatkan pelaburan langsung asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM24.57 juta.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana Suruhanjaya Tenaga dan TNB mengkaji semula pengurangan tarif elektrik agar kos sara hidup rakyat dapat dikurangkan pada tahun 2019 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tarif elektrik di Semenanjung ditetapkan berdasarkan kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, di mana tarif asas disemak setiap tiga tahun bermula tahun 2014. Selain penetapan tarif asas setiap tiga tahun, harga bahan api pula disemak setiap enam bulan melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di mana perubahan harga bahan api mengikut harga pasaran global akan turut mempengaruhi bil elektrik bulanan pengguna sama ada dikenakan rebat atau surcaj bagi setiap kilowatt jam.
2. Dalam memastikan kadar tarif elektrik tidak membebankan rakyat, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif seperti berikut:
 - (i) rebat RM40 untuk golongan berpendapatan rendah daripada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan eKasih Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM); dan
 - (ii) menanggung kos surcaj bahan api untuk pengguna domestik melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik. Melalui langkah ini, pengguna domestik tidak mengalami sebarang kenaikan bil elektrik sejak 2014. Malah, bagi tempoh Mac 2015 hingga Jun

NO SOALAN: 30

2018, pengguna elektrik telah menikmati rebat elektrik sebanyak RM6.33 bilion.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan perlaksanaan larangan merokok di semua premis makanan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pewartaan kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) adalah bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia kepada Artikel 8, WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC). Selain daripada itu, tujuan lain adalah untuk membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutama di kawasan tumpuan orang awam.

Larangan merokok di tempat makan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “*soft approach*” dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga Jun 2019 bagi memberi peluang kepada segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Aktiviti penguatkuasaan pendidikan yang dijalankan merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah, media massa, media sosial dan secara bersemuka. Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan tanggungjawab mereka untuk meletakkan tanda

NO SOALAN: 31

larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan- Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga 24 Mac 2019, sebanyak **25,574** amaran bertulis telah dikeluarkan di mana **23,528** adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan **2046** amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Selepas tempoh penguatkuasaan pendidikan, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan bermula Julai 2019.

Yang di-Pertua,

KKM juga komited untuk memastikan mereka yang telah terjebak dengan tabiat merokok diberikan rawatan melalui Perkhidmatan berhenti merokok mQuit. Perkhidmatan ini telah diperluaskan bukan sahaja di fasiliti awam seperti klinik kesihatan dan hospital malahan di fasiliti-fasiliti swasta termasuk rangkaian farmasi komuniti, hospital dan klinik swasta. Selain itu, semenjak pewartaan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok, laman web jomquit.moh.gov.my yang disediakan bagi kemudahan golongan perokok untuk mendaftarkan diri ke mana-mana perkhidmatan berhenti merokok telah menunjukkan sambutan luar biasa di mana sehingga awal bulan April 2019, seramai 508 orang telah berdaftar untuk berhenti merokok.

Oleh itu, KKM berpandangan bahawa pewartaan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok adalah satu langkah yang positif bagi meningkatkan tahap kesihatan seluruh rakyat Malaysia. Pelaksanaan ini juga dapat membudayakan amalan tidak merokok terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja dalam menuju hasrat Kerajaan bagi mencapai

NO SOALAN: 31

sebuah Negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok. KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memulihkan kewangan FELDA dan sejauh manakah Kerajaan telah membayar bayaran sewajarnya kepada peneroka FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebajikan peneroka terus dibela. Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Baki tunai FELDA telah merosot daripada purata RM2.5 bilion dalam tempoh 2007 hingga 2011 kepada hanya RM400 juta pada tahun 2017. Kedudukan baki tunai terus menjunam sehingga RM35 juta sahaja pada 9 Mei 2018.
3. Kedudukan kewangan FELDA bertambah tenat akibat pembaziran berterusan dengan pembelian aset pada kadar yang lebih tinggi daripada harga pasaran. Sebagai contoh, pembelian Eagle High daripada PT Rajawali Capital International (yang dimiliki oleh Peter Sondakh) pada kadar 96% lebih tinggi berbanding dengan harga pasaran ketika itu.
4. Menyedari hal ini, Kerajaan mengambil tindakan segera untuk menyelamatkan FELDA dari kemelut yang berterusan. Sebagai

NO SOALAN: 32

sebuah kerajaan yang peduli peneroka, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian holistik tentang kedudukan keseluruhan FELDA dan merangka hala tuju masa depan FELDA.

5. Usaha ini bermula dengan pembentukan satu pasukan khas di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bersama pengurusan baru FELDA dan firma profesional. Pasukan ini memberi fokus kepada penilaian semula kedudukan kewangan, pelaksanaan kajian audit forensik dan pembentukan hala tuju baru FELDA.
6. Dapatan audit forensik menunjukkan kerugian atau penjejasan nilai aset (*impairment*) berjumlah RM2.2 bilion bagi lapan transaksi urusan niaga yang disiasat, iaitu 50% daripada nilai pelaburan asal. Audit forensik juga mendedahkan kepincangan tadbir urus dan kegagalan kawalan dalaman.
7. Pelan transformasi dan hala tuju FELDA akan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan tadbir urus, penstrukturan dan pengukuhan kewangan dan operasi.
8. FELDA memerlukan sistem kewangan yang baru dan lestari. Kedudukan kewangan semasa FELDA perlu distruktur semula dengan kadar segera melalui penstrukturan semula pinjaman dengan institusi kewangan dan rasionalisasi aset. Kegagalan menstrukturkan semula pinjaman FELDA akan mendedahkan FELDA kepada pembayaran pinjaman dan kadar faedah berjumlah RM2.5 bilion untuk tahun 2019.

NO SOALAN: 32

Pada tahun 2018, FELDA terpaksa melunaskan RM1.4 bilion bayaran pinjaman dan kadar faedah kepada institusi kewangan.

9. Untuk mendukung usaha FELDA, Kerajaan bersetuju memberi Jaminan Kerajaan (*Government Guarantee*) bagi membolehkan FELDA menstrukturkan semula pinjaman dengan institusi kewangan.

10. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sebanyak RM6.23 bilion berbentuk geran, pinjaman dan jaminan kerajaan secara berperingkat mengikut keperluan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif pemulihan FELDA. Ini termasuklah bagi tahun 2019, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM480 juta untuk tujuan pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN
MOHD YUSOFF
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah majikan yang telah mencarum untuk pekerja mereka dalam Skim Insurans Pekerjaan dan berapakah jumlah majikan yang telah dikenakan tindakan kerana tidak mencarum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod PERKESO pada bulan Mac 2019, jumlah majikan yang aktif mencarum bagi Skim Insurans Pekerjaan (SIP) adalah seramai 376,024 majikan.
2. Memandangkan SIP bahau diperkenalkan mulai 1 Januari 2018, PERKESO mengambil pendekatan '*soft approach*' menerusi program '*outreach*' dan publisiti meluas di media massa serta media sosial untuk memberi kesedaran kepada majikan dan pekerja berkenaan kepentingan dan manfaat SIP.
3. Walau bagaimanapun sehingga 9 April 2019, sebanyak 11 majikan telah dikenakan tindakan pengkompaunan di atas kesalahan gagal mendaftar perusahaan dan pekerja di bawah Seksyen 14 dan 16 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dengan jumlah kompaun yang dikenakan sebanyak RM8,000.
4. Sehubungan itu, program promosi serta aktiviti bagi memperluaskan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada umum tentang program SIP masih terus dijalankan sehingga kini. Antara program promosi yang telah dijalankan ialah *roadshow* SIP di seluruh negara, sesi *townhall* bersama majikan, Program *Employability*, karnival pekerjaan, taklimat perkhidmatan pekerjaan serta publisiti di media cetak dan elektronik.

NO SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah tambahan pihak berkuasa dalam menjaga dan mengawal pusat-pusat ibadah seperti masjid, gereja, dan kuil berikutan serangan pengganas ekstremis agama di luar negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada semua keluarga mangsa yang terlibat dengan insiden tembakan di New Zealand yang mengorbankan 50 nyawa orang awam termasuk seorang rakyat Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bertindak memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terjamin. Susulan daripada insiden tembakan ke atas 2 buah masjid di New Zealand baru-baru ini, pihak polis telah mengarahkan agar semua anggotanya untuk bersedia dan meningkatkan rondaan dan kawalan ke atas rumah-rumah ibadat termasuklah masjid, gereja dan kuil di seluruh negara. Arahan ini dikeluarkan sebagai tindakan pencegahan bagi memastikan tiada elemen membalas dendam dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada pencegahan serangan ekstremis agama, pihak polis turut memperkenalkan pendekatan 1 Masjid 1 Polis (1M1P) yang bertujuan untuk meningkatkan keselamatan masjid daripada elemen jenayah sering berlaku seperti kecurian kenderaan, tabung masjid dan beg jemaah yang sedang bersolat.

NO SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI
MAMAT
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) dalam membantu penanam padi di Kelantan menghadapi musim kemarau sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada Februari 2019, musim kemarau di Negeri Kelantan telah menyebabkan paras air Sungai Kelantan rendah dan pam utama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) tidak dapat beroperasi. Bekalan air ke 7,440 hektar sawah dijangka terjejas dan melibatkan 2,555 orang petani di kawasan KADA.

Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) dalam membantu penanam padi di Kelantan menghadapi musim kemarau sekarang ialah:

- i. Melaksanakan jadual penggiliran bekalan air di sawah;
- ii. Membekalkan sebanyak 242 pam mudah alih dan 521 *backward pump* di lokasi yang bermasalah;
- iii. Membina sebanyak 300 *tubewell* di lokasi yang bermasalah;
- iv. Membekal diesel kepada pam-pam individu petani; dan
- v. Melaksanakan program pembenihan awan pada 10 April 2019 dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memastikan program-program pengajian Melayu dan Islam yang diusahakan di luar negara seperti di Universiti Leiden, Ohio dan Georgetown berterusan dan masih berprestij.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kursi-kursi akademik luar negara di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah ditubuhkan sejak tahun 1980 dan memainkan peranan sebagai sebuah pusat pengajian Malaysia yang menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah, kebudayaan, ekonomi, kehidupan sosial dan politik Malaysia melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan, pengumpulan maklumat, penyelidikan dan program-program wacana ilmu.

Penubuhannya juga bertujuan untuk memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara hos di samping mewujudkan saluran bagi memperkenalkan tokoh-tokoh dari Malaysia ke negara luar.

Sehingga kini, terdapat lima (5) Kursi Pengajian Melayu di beberapa universiti terkemuka di dunia telah ditubuhkan ke arah usaha memartabatkan bahasa Melayu di peringkat dunia iaitu Kursi Pengajian Melayu wilayah Eropah di Universiti Leiden, Belanda, Kursi Tun Abdul Razak di Universiti Ohio, Amerika Syarikat, Universiti Victoria Wellington (VUW), New Zealand, *Beijing Foreign Studies University* (BFSU), China dan *Hankuk University of Foreign Studies* (HUFS), Korea Selatan.

NO SOALAN: 36

Pada masa ini, terdapat dua (2) kursi yang masih berkuat kuasa iaitu Kursi Pengajian Melayu di BFSU, China dan Kursi Tun Abdul Razak di Universiti Ohio, Amerika Syarikat.

Cabaran utama dalam pelaksanaan inisiatif kursi akademik ini ialah kos pengurusan yang tinggi dan kaedah pembiayaan yang tidak lestari. Bagi meningkatkan pulangan nilai (*Return on Investment – ROI*) serta keberhasilan program Kursi Akademik Luar Negara, Kementerian menerusi Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) sedang merangka strategi dan pelan pelaksanaan yang lebih mampan dalam mengendalikan kursi-kursi akademik tersebut. Selain melaksanakan program akademik sedia ada, para penyandang Kursi akan bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau program promosi pendidikan tinggi Malaysia dengan kerjasama pejabat *Education Malaysia* Luar Negara dan *Education Malaysia Global Services* (EMGS). Program promosi yang melibatkan tiga (3) entiti Kerajaan ini dilihat mampu menghasilkan idea yang lebih segar dan berimpak tinggi melalui kaedah perkongsian kepakaran.

Penyandang Kursi juga akan melaksanakan program persediaan (*pre departure*) kepada pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Malaysia. Program persediaan ini akan melengkapkan bakal pelajar dengan maklumat-maklumat penting sebelum, semasa dan selepas pengajian. Inisiatif ini wajar dilaksanakan supaya gambaran lebih jelas diperolehi pelajar bagi penyediaan perancangan masa hadapan yang lebih baik. Peranan tambahan ini sangat signifikan untuk dilaksanakan memandangkan penyandang kursi adalah di kalangan ahli akademik yang berpengalaman luas berkenaan hal ehwal pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT).

NO SOALAN: 36

Walau bagaimanapun, penubuhan kursi luar negara oleh institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) adalah amat digalakkan bagi menyemarakkan hubungan pengantarabangsaan di kalangan IPTS sendiri. Sebagai contoh, Kolej Islam As Sofa, Malaysia, adalah IPTS yang berdaftar dengan KPM. Kolej Islam As Sofa telah bekerjasama dengan Universiti Muhammad ke-5, Rabat, Maghribi dengan menubuhkan Kursi Pengajian Islam Imam Ahmad bin Idris pada Disember 2018. Kursi Pengajian Islam ini memberi tumpuan pengkajian terhadap metod Imam Ahmad bin Idris dalam arena ilmu dan dakwah. Penubuhan Kursi Pengajian Islam Imam Ahmad bin Idris ini akan membuka lebih banyak ruang kajian dan penerbitan, yang akan dilakukan secara bersama antara kolej dan pihak universiti.

Kursi ini juga menumpukan usaha pengumpulan dan pemeliharaan manuskrip-manuskrip yang berkaitan dengan Imam Ahmad bin Idris, menyemak dan menerbitkannya. Dalam masa yang sama, ia juga memainkan peranan sebagai badan yang akan mencetak segala kajian dan kertas kerja yang pernah dihasilkan berkaitan Imam Ahmad bin Idris dan perkembangan madrasahnyanya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN
SALLEH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah potensi, perancangan dan jaminan Kementerian yang berhasrat untuk menjadikan tanaman buluh sebagai komoditi tambahan negara.

NO SOALAN: 37

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri buluh di Malaysia berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah industri komoditi baharu. Ini kerana iklim dan tanah di Malaysia amat sesuai untuk tanaman buluh. Tanaman buluh boleh dituai hasilnya dalam tempoh yang singkat iaitu tiga (3) tahun. Pertumbuhan buluh akan berterusan sepanjang tahun di mana tunas-tunas baru akan sentiasa tumbuh selepas ditanam dan ini secara tidak langsung mengurangkan modal dalam mengusahakan perladangan buluh. Selain itu, kos penanaman dan penjagaan juga amat rendah berbanding tanaman komoditi lain.

Nilai eksport buluh dunia dianggarkan mencecah sehingga USD68.8 bilion dengan didominasi oleh negara seperti China, India dan Taiwan. Papan lantai buluh (*laminated bamboo flooring*) merupakan antara produk daripada buluh yang mendapat permintaan tinggi daripada Amerika Syarikat. Nilai eksport buluh Malaysia pada tahun 2018 masih kecil iaitu RM102,827. Walau bagaimanapun, industri buluh di Malaysia berpotensi untuk diperkembangkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Dalam menggalakkan industri buluh terus berkembang, pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) melalui anak sayarikatnya iaitu *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* (FPDSB) di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) menyediakan bantuan pinjaman mudah (*soft loan*) dengan tempoh bayaran balik selama 15 tahun kepada pengusaha yang berminat melaksanakan perladangan buluh. Jumlah

NO SOALAN: 37

pinjaman adalah RM10,000 per hektar dengan kadar faedah 0.5 peratus bagi skala kecil dan 3.0 peratus bagi skala besar. Lima (5) spesis buluh yang diluluskan di bawah PPLH ialah Buluh Betung, Buluh Semantan, Buluh Beting, Buluh Beti dan Buluh Hitam.

Kementerian melalui MTIB telah membangunkan pelan khusus bagi industri buluh iaitu Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia (2011-2020). Pelan tindakan itu merangkumi usaha mewujudkan perladangan buluh dan sumber semula jadi sedia ada yang diurus secara lestari, pembangunan produk nilai tambah, penyelidikan dan pembangunan, pemasaran, perdagangan dan promosi.

Bagi menyokong pelan tersebut, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh MTIB dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap buluh dan menggalakkan lebih banyak industri berkecimpung dalam industri buluh.

Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh akan berakhir pada tahun hadapan dan beberapa penambahbaikan ke atas pelan tersebut akan dilakukan untuk menjadikan buluh sebagai alternatif yang berdaya saing (*viable*). Antaranya dari segi promosi dan pembangunan modal insan melalui latihan dan penggalakan inovasi dalam penghasilan produk berasaskan buluh yang bernilai tambah tinggi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 25 APRIL 2019

Puan Raj Munni binti Sabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi telah memberikan manfaat secara langsung kepada golongan sasar, berapa ramai bankrapsi yang berjaya dibersihkan daripada senarai muflis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2017 melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017 [*Akta 1534*] terdapat lapan (8) pindaan terhadap Akta Kebankrapan 1967 dan pindaan-pindaan tersebut telah berkuatkuasa pada 6 Oktober 2017.

Salah satu pindaan yang telah diperkenalkan adalah penubuhan Tabung Bantuan Insolvensi (*Insolvency Assistance Fund*) di bawah Seksyen **77A Akta Insolvensi 1967** [*Akta 360*]. Sebelum dari tarikh kuatkuasa penubuhan Tabung Bantuan Insolvensi tersebut, hasil pelaburan dimasukkan ke dalam satu akaun yang dikenali sebagai Akaun Amanah Estet Kebankrapan.

Sepertimana yang telah dimaklumkan, selepas dari tarikh kuatkuasa pindaan iaitu pada 6 Oktober 2017, faedah daripada wang pelaburan Akaun Amanah Estet Kebankrapan tersebut hendaklah dikreditkan ke dalam Tabung Bantuan Insolvensi.

Tuan Yang Dipertua,

Tabung Bantuan Insolvensi merupakan kumpulan jumlah wang pelaburan daripada Akaun Amanah Estet Kebankrapan. Wang daripada Akaun Amanah Estet Kebankrapan tersebut merupakan jumlah terimaan wang yang telah diperolehi oleh Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) daripada bankrap, agensi-agensi seperti institusi kewangan, bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB),

NO SOALAN: 38

Tabung Haji dan lain-lain yang berkaitan akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Estet Kebankrapan seperti yang dikehendaki oleh peruntukan Akta 360.

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah wang pelaburan tersebut digunakan bertujuan untuk pentadbiran kes-kes kebankrapan. Tabung Bantuan Insolvensi ini diuruskan berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Pekeliling Perbendaharaan yang telah ditetapkan. Jumlah wang dalam Tabung Bantuan Insolvensi ini tidak digunakan untuk pembayaran hutang-hutang bankrap. Tabung Bantuan Insolvensi ini hanya digunakan bagi tujuan **pentadbiran kes-kes kebankrapan** atau **lain-lain bayaran** atau **perbelanjaan yang melibatkan hal-hal pentadbiran kebankrapan sahaja yang akhirnya akan menjadikan pentadbiran kes kebankrapan lebih cekap dan berkesan**. Tabung Bantuan Insolvensi ini adalah di bawah pentadbiran dan kawalan Ketua Pengarah Insolvensi sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 77A(1) Akta 360.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2015 hingga bulan Februari 2019 jumlah kes-kes kebankrapan yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak **53,941** kes. Jumlah tersebut meliputi kes-kes kebankrapan yang telah mendapat perintah Mahkamah Tinggi bagi Pembatalan Perintah Kebankrapan di bawah Seksyen 105 Akta 360, Pelepasan Melalui

NO SOALAN: 38

Mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360 dan Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A Akta yang sama.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah Pelan Perindustrian Baharu yang akan digubal lebih memfokuskan terhadap pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya kesiapsiagaan PKS dalam mendepani arus Revolusi Industri 4.0 yang kini semakin rancak.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Untuk makluman YB Senator, Pelan Induk Perindustrian Baharu adalah pelan perindustrian keempat yang sedang di peringkat penggubalan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pelan Induk ini bertujuan untuk menetapkan halatuju strategik bagi pembangunan industri bagi tempoh 2021 hingga 2030. Bagi mencapai halatuju strategik tersebut, pelan ini akan menggariskan sasaran, strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh setiap pihak berkepentingan.

Selain daripada penekanan kepada sektor-sektor industri utama seperti pembuatan dan perkhidmatan, aspek-aspek lain yang akan diberi perhatian adalah perkara-perkara yang merentas sektor bagi mewujudkan satu ekosistem yang kondusif bagi mempertingkatkan perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Ini termasuklah aspek pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS), kemudahan infrastruktur, modal insan serta rangka kerja institusi dan perundangan. Selain itu, pelaksanaan Dasar Kebangsaan Industri4WRD yang telah digerakkan melalui program Penilaian Kesediaan di kalangan PKS akan turut diberi perhatian.

Ke arah ini, inisiatif khusus Pelan Induk Perindustrian Baharu akan digubal bagi meningkatkan daya saing IKS dalam rantai nilai global dan daya saing perdagangan antarabangsa, terutama dalam konteks mendepani teknologi baharu (*disruptive technology*) dengan kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat. MITI akan memastikan Pelan Induk yang dihasilkan

NO SOALAN: 39

kelak benar-benar komprehensif serta efektif dan dapat dilaksanakan bagi mencapai lonjakan ekonomi melalui perindustrian.

NO SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan objektif Kempen Sayangi Sawitku. Mohon disenaraikan program-program yang akan dilakukan di bawah kempen ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kempen Sayangi Sawitku telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 di Ladang East Sime Darby Plantation, Pulau Carey. Pelbagai program dan aktiviti telah diatur sepanjang tahun ini bagi menjayakan kempen Sayangi Sawitku yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit Malaysia serta peranannya dalam aspek pemeliharaan alam sekitar. Ini sebagai usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya kempen anti minyak sawit yang mengaitkan industri sawit sebagai penyumbang kepada penyahutan dan kemusnahan habitat hidupan liar yang memberi implikasi terhadap perdagangan minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, naratif positif berkenaan industri sawit negara dapat disebarkan oleh rakyat Malaysia kepada masyarakat global dan seterusnya meningkatkan penerimaan minyak sawit Malaysia.

Melalui kempen ini, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang untuk diadakan sepanjang tahun 2019 yang melibatkan kerjasama dengan pelbagai Kementerian lain, agensi-agensi Kerajaan, penggiat industri sawit, badan bukan kerajaan (NGO) serta pengguna. Antara program yang telah dan akan diadakan termasuk program *Edupalm* di sekolah rendah dan menengah, program duta sawit di universiti dan sekolah, publisiti oleh syarikat penerbangan dan lapangan terbang, program konservasi hidupan liar seperti orang utan dan gajah pygmy, program penanaman 1 juta pokok spesis hutan, penyertaan dalam ekspo pelancongan seperti ITB Berlin,

NO SOALAN: 40

aktiviti kemasyarakatan seperti acara larian, pertandingan masakan dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Orang Asli yang dilantik atau dilibatkan di dalam pengurusan atau pentadbiran syarikat GLC negara atau negeri untuk persediaan dan mendedahkan Orang Asli di dalam bidang ekonomi berimpak besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pelantikan anggota pengurusan di Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), khususnya GLC yang tersenarai terbesar milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) **adalah berdasarkan merit dan kelayakan serta kepakaran masing-masing, tanpa mengira kira faktor agama, bangsa mahupun jantina.** Kelayakan dan kepakaran yang dimaksudkan harus selari dengan keperluan perniagaan dan operasi GLC berkenaan.

Sungguhpun demikian, buat masa ini, tidak terdapat kakitangan peringkat di pengurusan di GLC milik Khazanah dalam kalangan orang asli namun, mengikut statistik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), taburan kerjaya untuk orang asli di sektor awam **telah meningkat dari tahun 2010 sebanyak 59 % (2,004 orang) manakala kerjaya di sektor swasta meningkat sebanyak 63% (1,255 orang).**

Di antara penambahbaikan yang dilakukan termasuk kerjasama erat dengan Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi penyaluran tenaga kerja sektor swasta. Manakala bagi sektor awam kerjasama dibuat dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pengambilan orang asli sebagai kakitangan awam.

NO SOALAN: 41

Kerajaan akan sentiasa berusaha memastikan kebajikan rakyat minoriti ini dijaga sepenuhnya agar tidak terpinggir daripada pembangunan dan kemajuan yang dikecapi negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS
TARIKH : 25 APRIL 2019

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini Pusat Keluarga Bergerak dan apakah bentuk perkhidmatan yang disediakan. Sejauh manakah masyarakat mengetahui program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian melalui LPPKN mempunyai sebanyak 15 buah Pusat Keluarga Bergerak (PKB) yang beroperasi di seluruh negara kecuali negeri Perlis.

PKB ini merupakan bas bergerak yang menyediakan perkhidmatan kekeluargaan di kawasan pedalaman dan komuniti setempat. Perkhidmatan secara *outreach* ini juga telah berjaya meningkatkan akses kumpulan sasar dan berisiko terhadap khidmat sokongan kekeluargaan. Perkhidmatan yang disediakan oleh pusat ini ialah perkhidmatan saringan kesejahteraan, perancang keluarga, pendaftaran penerima subsidi mamogram, pemberian vaksinasi HPV, *pap smear* dan pemeriksaan klinikal payudara. Manakala perkhidmatan sokongan psiko sosial yang disediakan ialah ujian psikometrik, perkhidmatan kaunseling keluarga, program kembara kaunseling, terapi tekanan serta latihan dan pendidikan keibubapaan.

Pada tahun 2018, sebanyak 397 program *outreach* PKB telah dilaksanakan di seluruh negara dimana seramai 46,336 orang peserta telah menerima manfaat daripada program ini. Bagi memastikan PKB ini dimanfaatkan sepenuhnya, kerjasama dengan pelbagai pihak di peringkat negeri turut diadakan bagi melaksanakan program di peringkat akar umbi supaya penyertaan yang maksimum boleh diperolehi. Maklumat program yang melibatkan PKB di peringkat negeri juga dipaparkan di laman web LPPKN sekurang-kurangnya seminggu sebelum program supaya masyarakat boleh

NO SOALAN: 42

mengetahui mengenai program yang akan diadakan di negeri masing-masing.

NO SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
TARIKH : 25 APRIL 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kedudukan Kem Hutan Melintang supaya ia tidak terus dibazirkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada perancangan terkini Tentera Darat, Kem Hutan Melintang, Bagan Datuk akan diduduki oleh pasukan Markas Rejimen dan Batalion Pertama Rejimen 503 Askar Wataniah (AW) yang kini berpangkalan di Kem Raja DiHilir, Ipoh, Perak setelah kerja-kerja pembinaan siap sepenuhnya.

NO SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah sesi MQT (Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri) akan dilaksanakan di Dewan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini, Kerajaan belum berhasrat untuk mengadakan sesi MQT di Dewan Negara. Walau bagaimana pun, Kerajaan akan mengkaji keperluan dan keberkesanan untuk mengadakan sesi MQT ini di Dewan Negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SAMBANTHAN A/L
MANICKAM
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Sambanthan A/L Manickam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang pencapaian pelajar kaum India dalam keputusan SPM dan STPM 2018 sangat membanggakan terutama saudari Dhivya Janani A/P Mariappan dari SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah Kelantan. Persoalannya, adakah pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang akan diberikan peluang meneruskan pengajian mereka di peringkat menara gading melalui biasiswa Kerajaan atau sekadar mengikuti sistem kuota yang disediakan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih lagi mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum dalam pemilihan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk melanjutkan pengajian di IPTA.

Walau bagaimanapun, kelayakan tertakluk kepada memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Senat Universiti. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat juga bergantung kepada pilihan program, bilangan tempat yang disediakan dan kecemerlangan dalam proses temu duga yang dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi.

Bagi kemasukan ke Program Matrikulasi KPM, kementerian juga turut menggunakan pengiraan merit pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum. KPM masih mengekalkan kuota 10 peratus tempat yang diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera. Mulai tahun 2019, kemasukan ke Program Matrikulasi KPM akan memberi fokus kepada pelajar dari golongan B40, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan golongan

NO SOALAN: 45

tersebut di samping mengekalkan dasar-dasar pengambilan pelajar seperti yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tahap keselamatan penggunaan racun dan baja di negara ini terhadap manusia dan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, salah satu peruntukan undang-undang di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pertanian adalah peruntukan supaya semua racun perosak yang dimport dan dikilang untuk kegunaan dalam negara mestilah didaftarkan terlebih dahulu dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak. Hanya racun perosak yang berkesan, berkualiti dan tidak mempunyai kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar sahaja akan dibenarkan penggunaannya di Malaysia. Pihak lembaga bertanggungjawab bagi sesuatu produk racun perosak yang dimport dan dikilang untuk kegunaan dalam negara ini adalah dinilai secara teknikal dari segi perumusan, tahap toksisiti, keberkesanan dan juga residu produk terbabit. Kegagalan pihak pendaftar dalam memenuhi keperluan setiap elemen di dalam penilaian teknikal ini akan menyebabkan produk tersebut tidak didaftarkan penggunaannya di negara ini.

Setiap aspek yang dinilai adalah berlandaskan kepada piawaian antarabangsa seperti garis panduan pendaftaran oleh Food and Agriculture Organisation (FAO) dan beberapa pertubuhan badan dunia yang jelas mengambil berat isu keselamatan makanan dan kesihatan awam seperti World Health Organisation (WHO). Manakala bagi penilaian kualiti produk pihak lembaga mengguna pakai piawaian yang dikeluarkan oleh FAO, WHO dan juga piawaian yang dikeluarkan dan disahkan oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM) atau lebih dikenali dengan 'Malaysian Standard (MS)'.

NO SOALAN: 46

Justeru itu, semua produk racun makhluk perosak yang diimport, dikilangkan dan dijual di negara ini telah menjalani proses penilaian pendaftaran dan penilaian kualiti yang sangat ketat bagi memastikan kualiti produk tersebut adalah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan dan berkesan mengawal perosak yang disasarkan tanpa menjejaskan kesihatan manusia dan alam sekitar.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian juga melaksanakan Program Pemantauan Residu Racun Perosak Pada Hasil Pertanian secara berkala. Bagi tahun 2018, jumlah sampel yang diterima untuk analisis residu dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 1,700 yang membawa peratusan pelanggaran yang direkodkan kurang daripada 10%. Sampel-sampel yg melebihi MRL akan melalui proses siasatan dan ulangan pensampelan bg memastikan pelanggaran MRL tidak berulang. Ke semua laporan pemantauan MRL ini dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Residu Jabatan Pertanian yg juga melibatkan wakil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai ahli.

MOA juga sedang menggubal Rang Undang-Undang Baja bagi mengawalselia industri baja dari segi kualiti di setiap rangkaian pengeluaran baja seperti pengilangan, penjualan, pengimportan dan pengeksportan supaya baja yang digunapakai di dalam bidang pertanian adalah berkualiti, tidak mendatangkan mudarat kepada kesihatan manusia dan menjejaskan alam sekitar.

NO SOALAN: 46

Program pensijilan myGAP telah diperkenalkan sejak tahun 2002 bagi menggalakkan petani untuk melaksanakan amalan pertanian baik yang merangkumi penggunaan baja dan racun yang berdaftar bagi memastikan amalan yang dilaksanakan tidak menjejaskan kesihatan petani dan alam sekitar serta menghasilkan produk yang selamat dimakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NG CHIANG CHIN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Ng Chiang Chin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek pembinaan Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) selepas perbincangan semula mengenai kosnya diputuskan dan jumlah pampasan yang harus ditanggung oleh Kerajaan atas penangguhan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan telah pun mengumumkan secara rasmi bahawa projek ECRL akan diteruskan dengan pengurangan kos projek yang ketara dan bakal melalui jajaran baharu yang akan memberi manfaat secara langsung kepada lima buah negeri.

Oleh yang demikian, tidak berbangkit isu pampasan yang perlu ditanggung Kerajaan ke atas pelanggaran kontrak pada masa ini malah projek berkenaan mendapat pakej kontrak yang lebih baik dan menjimatkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan sebuah daerah polis baharu iaitu Daerah Polis Kuching Utara untuk Bandaraya Kuching Utara, Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi mewujudkan sebuah daerah polis baharu, ia adalah tertakluk kepada Akta Polis 1967 [Akta 344] yang menyebut bahawa “daerah polis” adalah mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai demikian oleh Ketua Polis Negara.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan sebuah daerah polis baharu iaitu Daerah Polis Kuching Utara untuk Bandaraya Kuching Utara, Sarawak. Walau bagaimanapun pada 1 Julai 2013, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching telah dipecahkan / dibahagikan sebahagian kawasan dengan mewujudkan IPD yang baharu iaitu IPD Padawan. Berikut dinyatakan statistik perjawatan IPD Kuching dan IPD Padawan;

NO SOALAN: 48

PERKARA	PANGKAT	IPD KUCHING	IPD PADAWAN
		JUMLAH PERJAWATAN	JUMLAH PERJAWATAN
PEGAWAI & ANGGOTA BERUNIFORM	PEG.KANAN	94	42
	PRP & KONST	798	313
	PRP & KONST SOKONGAN	113	58
	JUMLAH UNIFORM	1,005	413
JUMLAH PEGAWAI AWAM		99	16
JUMLAH KESELURUHAN		1,104	429

NO SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) masih lagi wujud di bawah TEKUN dan berapakah jumlah pinjaman yang telah diagihkan bermula bulan Mei 2018 sehingga kini mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk melaksanakan inisiatif bagi membangunkan kapasiti dan daya saing usahawan melalui program-program pembangunan secara holistik dan inklusif termasuk pembangunan masyarakat India.
2. Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) merupakan salah satu program pembiayaan di bawah TEKUN Nasional yang bertujuan untuk membantu masyarakat India menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pembiayaan yang ditawarkan di bawah program ini adalah di antara RM1,000 sehingga RM100,000 dalam tempoh pembiayaan dari enam (6) bulan sehingga 10 tahun.
3. Mulai Mei 2018 sehingga 31 Mac 2019, sebanyak RM13.2 juta pinjaman di bawah pembiayaan SPUMI telah disalurkan kepada 644 orang usahawan India untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Pada tahun 2019, MED telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20.0 juta di bawah SPUMI dengan sasaran pembiayaan kepada 1,300 usahawan masyarakat India. Pada bulan Januari 2019, seramai 55 usahawan masyarakat India telah menerima pembiayaan daripada TEKUN Nasional sebanyak RM768,000.

NO SOALAN: 49

Tuan Yang Dipertua,

4. Pembiayaan merupakan salah satu aspek penting dalam memacu pembangunan usahawan. Selain daripada TEKUN Nasional, terdapat agensi-agensi di bawah MED yang menawarkan pembiayaan khas kepada usahawan masyarakat India. Sebagai contoh, SME Bank melalui My SEED SME Scheme (MYS3) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50.0 juta bagi tujuan pengembangan perniagaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT
GHANI @ ABBAS
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Haji Yahaya Bin Mat Ghani @ Abbas minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa banyak lagi ladang-ladang haram yang masih beroperasi di Cameron Highland. Apakah langkah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan tiada lagi ladang haram diwujudkan dan juga apakah langkah yang telah dilakukan Kerajaan bagi memulihkan keadaan alam sekitar yang telah dicerobohi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada pencerobohan baharu bagi tujuan pertanian di Kawasan Hutan Simpan Batu Gangan dan Hutan Simpan Terla B kerana kebanyakan kawasan ceroboh dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di kawasan ini telah diambil tindakan pemusnahan semasa Operasi Gading pada tahun 2015 dan 2016. Manakala kawasan pertanian haram yang terlibat dengan pemusnahan di Sungai Ichat baru-baru ini merupakan Tanah Kerajaan dan tidak melibatkan HSK.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) turut mengadakan program penguatkuasaan bersepadu Kerajaan bagi memastikan tiada lagi ladang haram diwujudkan. Program tersebut diadakan bagi memperkasakan penguatkuasaan dalam membanteras penerokaan haram di dalam dan di luar HSK seperti berikut:

- (a) Penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasaan JPMS (JET);
- (b) Pasukan penguatkuasaan perhutanan di negeri-negeri telah disediakan kemudahan logistik seperti motosikal *scrambler* dan senjata api;
- (c) Program kawalan menyeluruh di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) terutamanya bagi kawasan-kawasan yang

NO SOALAN: 50

dikenal pasti berisiko tinggi (*hotspot*) bertujuan membanteras aktiviti pencerobohan dan pembalakan haram di HSK;

- (d) Penubuhan Unit Perisikan JPSM bagi membantu tindakan penguatkuasaan yang tepat dan pantas;
- (e) Penggunaan teknologi terkini melalui aplikasi Sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5* (FMRS+5) bagi mengesan perubahan litupan kawasan hutan. Sistem ini disokong dengan penggunaan dron yang memberi gambaran kawasan secara real time; *Geographical Information System (GIS)* dan *Global Positioning System (GPS)*; dan
- (f) Penubuhan Pusat Pemantauan Sumber Hutan Negara yang beroperasi 24 jam di Ibu Pejabat JPSM dalam pemantauan kesalahan hutan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh KATS melalui JPSM bagi memulihkan keadaan hutan yang telah dicerobohi adalah dengan menjalankan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot di mana sebanyak 200 hektar kawasan Cameron Highlands telah dijalankan aktiviti penanaman pokok.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memulihkan keadaan alam sekitar yang telah dicerobohi, KATS melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah melaksanakan **usaha pembaikan cerun** melalui Projek Projek

NO SOALAN: 50

Penghasilan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) dan Pemetaan Geologi Terain (PGT) Cameron Highlands.

Projek-projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2018. Dua (2) pendekatan utama yang diambil dalam pembaikan cerun seperti berikut:

- a) Pelaksanaan Program Mitigasi dan Penyelenggaraan Cerun melalui kerjasama dengan JKR, JPS dan Pihak Berkuasa Tempatan di Cameron Highlands; dan
- b) Melaksanakan program peningkatan pengetahuan dan kesedaran awam (CEPA). Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah Cameron Highlands dengan pekebun-pekebun sayur, dengan tumpuan kepada pemilik tanah cerun yang terlibat termasuk Persatuan Pengusaha Pertanian.

Pada Februari 2019, KATS juga telah mengadakan Makmal Cadangan Penyelesaian bagi isu melibatkan Cerun-cerun Berbahaya di Cameron Highland. Peta Potensi Bencana Tanah Runtuh Cameron Highlands yang dihasilkan oleh JMG dijadikan rujukan utama bagi menyelesaikan isu tersebut. Makmal ini telah dihadiri oleh 18 Agensi yang berkepentingan.

Tiga kluster utama penyelesaian isu Cerun Bahaya melibatkan:

- (i) Mitigasi, Pemantauan dan Penyelenggaraan Cerun;
- (ii) Memperkenalkan Pertanian Lestari; dan

NO SOALAN: 50

- (iii) Pembangunan & Penguatkuasaan bagi kawalan Pembangunan di Tanah Tinggi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan

:-

- (a) apakah langkah Kerajaan untuk membantu petani tembakau yang semakin merosot pendapatan; dan
- (b) sejauh manakah kenaf berjaya menjadi tanaman alternatif bagi petani tembakau.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai makluman, Malaysia merupakan sebuah negara ahli yang telah meratifikasi *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) World Health Organisation (WHO)*. Ini bermakna, Malaysia telah memberi komitmen untuk tidak menggalakkan penanaman tembakau. Selain itu, liberalisasi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 2010 turut menyebabkan industri tembakau semakin berkurangan. Dalam hal ini, bagi membantu bekas penanam tembakau menjana pendapatan, Kerajaan telah memperkenalkan tanaman kenaf sebagai tanaman alternatif bagi menjamin sosio-ekonomi pekebun kecil termasuklah penanam tembakau. Disamping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan program peralihan kepada bekas penanam tembakau untuk terlibat dalam aktiviti integrasi tanaman termasuklah fertigasi, ternakan dan akuakultur.

Untuk makluman, pada tahun 2018, seramai 856 orang pekebun kecil mengusahakan seluas 2,068 hektar tanaman kenaf. Daripada jumlah tersebut, hanya seramai 136 orang merupakan bekas penanam tembakau. Ini kerana tanah yang dimiliki adalah tanah bris (*beach ridges interspered with swales*) kurang sesuai untuk tanaman kenaf dan memerlukan kos penyuburan/pembajaan tanah yang tinggi. Situasi ini membataskan penglibatan bekas penanam tembakau dalam industri kenaf. Namun begitu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha bagi membantu kumpulan sasar termasuklah bekas penanam tembakau bagi mengatasi kos sara hidup yang semakin meningkat. Di samping itu, Kementerian juga akan mempergiat

NO SOALAN: 51

promosi bagi meningkatkan minat masyarakat untuk mengusahakan tanaman kenaf. Ini termasuklah pemberian insentif tanaman kenaf dalam bentuk input pertanian bernilai RM2,385 sehektar bagi tanaman biasa dan RM3,000 bagi tanaman benih kepada pekebun kecil yang terlibat. LKTN juga menjamin pembelian batang kenaf kering dengan kadar RM500 per tan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan dan mengeratkan perpaduan antara etnik/masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun PRU14 telah berlalu dan Kerajaan baharu telah pun dibentuk, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan akan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik memupuk dan memperteguh perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

NO SOALAN: 52

- b) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- c) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti *Sambutan World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- d) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- e) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- f) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- g) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh

NO SOALAN: 52

negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.

- h) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- i) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Terbentuknya kerajaan baharu sudah pasti membawa harapan dan aspirasi baharu. Namun, kita perlu memberikan masa untuk pentadbiran baru melaksanakannya. Apa yang penting adalah kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik perlu melindungi keamanan dan keharmonian negara dengan mengelak daripada melakukan provokasi dan keganasan yang boleh menimbulkan konflik dan kekacauan. Justeru, tugas paling mendesak untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan gabungan politik pada masa ini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama terus dipelihara dan dipertahankan.

NO SOALAN: 52

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan keluaran dalam negara kasar (GDP) bagi akhir tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Adakah Kerajaan yakin pada tahun 2019 nilai GDP akan terus meningkat dan apakah usaha yang diambil ke arah itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi dunia dan rakan dagangan utama seperti Amerika Syarikat dan China serta ketegangan perdagangan antara dua negara ini telah memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2018. Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah menyederhana pada kadar 4.7% pada tahun 2018 selepas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, iaitu pada kadar purata antara 4.5% hingga 5.5% bagi tempoh 2018-2020.
2. Pertumbuhan pada tahun 2018 telah didorong oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 8.1% dan pelaburan swasta yang berkembang sebanyak 4.5%. Di samping itu, pertumbuhan juga disokong oleh sektor luaran berikutan ekonomi negara yang masih berdaya tahan dan tidak terlalu bergantung kepada mana-mana komoditi dan juga pasaran eksport. Kadar pengangguran terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah 4%. Kedudukan inflasi juga terus terkawal iaitu pada kadar 1% sahaja pada tahun 2018 berbanding 3.7% pada tahun 2017. Kadar inflasi ini merupakan yang terendah sejak tahun 2010, hasil daripada langkah-langkah penyesuaian fiskal dan kewangan serta pentadbiran.

NO SOALAN: 53

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dari segi pengeluaran pula, pertumbuhan dipacu oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang berkembang masing-masing sebanyak 6.8% dan 5%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan telah menguncup pada tahun 2018. Penguncupan pengeluaran bagi sektor pertanian berlaku akibat faktor cuaca dan harga komoditi yang rendah, terutamanya bagi getah dan kelapa sawit. Bagi sektor perlombongan pula, pengeluaran telah terjejas berikutan terdapat gangguan bekalan gas asli akibat daripada penutupan loji pengeluaran di Sabah dan Sarawak bagi tujuan penyenggaraan. Sementara itu, sektor pembinaan masih menyumbang secara positif dengan pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur di bawah aktiviti kejuruteraan awam.
4. Bagi tahun 2019, Kerajaan menasarkankan pertumbuhan ekonomi meningkat pada kadar 4.3% hingga 4.8% disokong oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta (6.6%) dan pelaburan swasta (4.9%). Jangkaan ini turut disokong dengan keyakinan agensi kredit antarabangsa seperti Fitch Ratings yang mengesahkan pengekalan kredit Kerajaan Malaysia pada tahap A- dengan tinjauan yang stabil pada masa hadapan. Di samping itu, pelbagai agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF serta agensi penarafan seperti Fitch Ratings dan Moody's juga turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar antara 4.3% hingga 4.7%. Unjuran ini adalah selaras dengan perkembangan ekonomi global dan serantau.

NO SOALAN: 53

5. Oleh yang demikian, Kerajaan terus mengambil inisiatif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat. Tumpuan akan diberi kepada pengukuhan asas-asas ekonomi bagi menghadapi sebarang krisis ekonomi melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:
- (i) Pertama: Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
 - (ii) Kedua: Menggalakkan pelaburan berkualiti dengan menumpukan kepada pelaburan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, yang menggunakan teknologi tinggi serta yang berintensifkan pengetahuan. Ini sekaligus dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi;
 - (iii) Ketiga: Melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi. Ini termasuklah melalui penumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan dan pemodenan sektor pertanian;
 - (iv) Keempat: Mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbalan pembayaran; dan
 - (v) Kelima: Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampuan dalam jangka sederhana.

NO SOALAN: 53

6. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini dapat menyumbang kepada pengukuhan dan kemampanan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit Askar Wataniah di sekolah menengah sebagai satu langkah awal untuk menarik minat golongan muda dalam bidang Pertahanan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat-syarat menyertai Angkatan Sukarela Persekutuan (Askar Wataniah) adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 45 tahun;
3. Keutamaan kepada calon yang mempunyai kelulusan SPM / SPMV / STPM / STAM atau setaraf atau tamat tingkatan 5; dan
4. Calon-calon yang memiliki Sijil PMR / Pentaksiran Tingkatan 3 atau sekurang-kurangnya tamat tingkatan 3 di sekolah bantuan kerajaan serta boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan, namun demikian syarat ini dilonggarkan bagi calon-calon dari pasukan Sukarela Pakar dan dari Malaysia Timur.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, penubuhan Askar Wataniah di sekolah-sekolah menengah adalah tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) telah ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah sejak tahun 1923 lagi. Asas penubuhan PKBM adalah bertujuan untuk melatih sebahagian guru dan pelajar-pelajar

NO SOALAN: 54

yang berminat dalam ilmu ketenteraan dan sehingga kini sejumlah 297 PKBM telah ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia.

NO SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mengapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) kawasan Keningau melalui Rolling Plan (RP1) RMK-11 yang melibatkan sistem retikulasi ke kampung-kampung sepanjang Sungai Pegalan Mukim Seberang Sook Keningau yang sepatutnya sudah disiapkan sejak tahun 2018 sehingga kini tidak terlaksana.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek yang dimaksudkan adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Apin-Apin, Keningau, Sabah dengan kos projek bernilai RM44.9 juta yang telah dilaksanakan secara Reka dan Bina pada 24 Julai 2017 dan dijangka siap pada 5 Ogos 2019. Projek tersebut melibatkan pembinaan loji rawatan air, muka sauk, tangki simpanan, rumah pam serta sambungan paip agihan dan retikulasi kepada 13 buah kampung di kawasan sekitarnya sepanjang Sg. Pegalan dengan penerima manfaat sebanyak 1,589 bilangan buah rumah.

Status semasa projek tersebut sehingga 31 Mac 2019 adalah di dalam peringkat pelaksanaan dengan peratus kemajuan semasa adalah sebanyak 39.27%. berbanding jadual sebanyak 71.38%. Projek ini mengalami kelewatan sebanyak 32.11% disebabkan oleh proses pengambilan balik tanah bagi tapak loji, tangki simpanan dan muka sauk yang baru sahaja selesai. Kontraktor yang dilantik akan diberikan kebenaran masuk tapak loji, muka sauk dan tangki simpanan dalam masa terdekat. Buat masa ini, kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di tapak adalah melibatkan kerja-kerja awalan, penyambungan paip sepanjang 40.8 km dan pembinaan struktur *pipe bridge*.

NO SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian menguatkuasakan kewajiban pengamal kesihatan untuk melaporkan ibu bapa yang enggan memberikan vaksin kepada anak mereka atau bayi yang gagal mendapatkan vaksin sebagaimana yang termaktub dalam Akta Perubatan 1971 (Akta 50).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Akta Perubatan 1971 (Akta 50) merupakan akta yang berkaitan dengan tatacara pendaftaran dan amalan pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Majlis Perubatan Malaysia. Tiada peruntukan di dalam Akta tersebut yang mewajibkan pengamal perubatan melaporkan ibu bapa yang enggan memberikan vaksin kepada anak mereka atau bayi yang gagal mendapatkan vaksin.

Justeru, pada ketika ini, ibu bapa boleh memilih untuk bersetuju atau tidak bersetuju anak mereka divaksinkan dengan vaksin yang tersenarai di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan atau pun vaksin yang tidak tersenarai di dalam program tersebut.

Untuk makluman ahli – ahli Yang Berhormat, KKM sedang meneliti kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan imunisasi kepada bayi dan kanak – kanak. Justeru, satu Jawatankuasa Kerja (*Task Force*) yang melibatkan pelbagai agensi pemegang taruh (*stakeholders*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dengan teliti kebolehlaksanaan, pelaksanaan dan implikasi yang berkaitan.

Di antara pemegang taruh yang terlibat terdiri daripada agensi Kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan yang berkaitan serta panel pakar seperti pakar

NO SOALAN: 56

perubatan kanak-kanak, pakar perubatan keluarga dan pakar perubatan kesihatan awam juga dilibatkan dalam proses mengumpul pandangan setiap sudut sekiranya imunisasi diwajibkan. Cadangan pindaan akta yang berkaitan serta tanggungjawab ibu bapa dan penjaga juga dibincangkan dengan teliti dan KKM turut meneliti undang – undang sedia ada di negara lain di seluruh dunia. Kertas Jemaah Menteri akan disediakan mengambil kira semua aspek yang dibincangkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang negara yang telah dilakukan oleh Kerajaan sejak Mei 2018 dan kenapakah peningkatan hutang berlaku sedangkan Kerajaan bersungguh-sungguh ingin menghapuskan hutang yang dilakukan oleh Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, paras hutang langsung Kerajaan Persekutuan meningkat disebabkan Kerajaan perlu membiayai defisit bajet tahunan yang mana pinjaman dilaksanakan untuk menampung belanja pembangunan. Bagi tahun 2018, hutang langsung Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM686.8 bilion atau 50.7% daripada KDNK pada tahun 2017 kepada RM741 bilion atau 51.8% daripada KDNK. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion ini digunakan untuk membiayai defisit tahun 2018. Secara purata, hutang langsung Kerajaan Persekutuan telah meningkat sekitar RM40 bilion setahun dalam tempoh lima tahun daripada RM539.8 bilion pada 2013 kepada RM741 bilion pada 2018.

2. Di samping itu, Kerajaan juga mempunyai tanggungan liabiliti lain seperti jaminan yang perlu ditanggung Kerajaan, hutang 1MDB dan liabiliti lain menjadikan kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM1.1 trilion atau sekitar 76% daripada KDNK pada akhir 2018.

3. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baru pada setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman bagi membiayai semula hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Hutang langsung Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (surplus) yang

NO SOALAN: 57

mencukupi untuk membiayai hutang dan perbelanjaan pembangunan. Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 – 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang langsung daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997 berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.

4. Namun begitu, bermula tahun 1998, beberapa siri krisis ekonomi dan kewangan global telah berlaku dan Kerajaan kembali mencatat defisit dalam belanjawan tahunan bagi melaksanakan pelan pemulihan ekonomi berikutan daripada krisis kewangan Asia yang berlaku pada tahun tersebut. Belanjawan defisit ini kekal berterusan sewaktu Kerajaan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2001 – 2003, serta pada tahun 2008, di mana Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah kitaran balas atau counter-cyclical measures, termasuk melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion bagi memastikan kestabilan ekonomi. Peningkatan hutang ini juga berterusan apabila negara mengalami kehilangan kutipan hasil berikutan kemerosotan harga minyak dunia sehingga paras terendah USD26 setong pada 2015.

5. Bagi memastikan paras hutang langsung Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus dalam jangka masa panjang, langkah konsolidasi fiskal yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 akan diteruskan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Paras defisit telah berjaya dikurangkan daripada 6.7% daripada KDNK pada 2009 kepada 3.7% pada 2018. Langkah konsolidasi fiskal ini akan diteruskan dan defisit dijangka berkurang kepada 2.8% pada 2021. Selaras dengan langkah konsolidasi

NO SOALAN: 57

fiskal ini, Kerajaan yakin paras hutang langsung akan dapat dikurangkan setelah mencapai bajet hampir berimbang menjelang tahun 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Walau bagaimanapun, paras hutang ini (51.8% daripada KDNK) adalah tinggi sekiranya dibandingkan dengan paras hutang negara bertaraf kredit 'A' yang pada kadar purata sekitar 40% daripada KDNK (Moody's Investor Service, 2017 (A3 Median – 39.7% daripada KDNK); Fitch Ratings, 2018 (A median – 41.7% daripada KDNK). Sehubungan itu, adalah wajar untuk Kerajaan mengambil langkah mengurangkan tahap keberhutangan negara. Paras hutang perlu dikurangkan supaya bayaran khidmat hutang dapat dikurangkan. Selain itu, paras hutang yang rendah dapat memberikan lebih ruang fiskal untuk Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas atau counter-cyclical measures sekiranya berlaku krisis ekonomi global.

NO SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Ong Chong Swen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan memelihara perpaduan dalam negara ini memandangkan hari ini semakin ramai memiliki pemikiran ekstremis disebabkan media sosial dan sebagainya.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Kita perlu sedar bahawa beberapa isu sensitif yang berunsurkan kaum dan agama telah menimbulkan kejutan kepada rakyat hari ini. Kita menyedari bahawa aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini masih rapuh dan perlu diperkukuhkan.

Isu-isu sensitif ini perlu diuruskan dengan baik kerana ia boleh mengancam keselamatan negara. Kebebasan bercakap terutamanya melalui media sosial menyebabkan rakyat tidak peduli lagi apa yang dibicarakan sehingga ke tahap mempersendakan agama, bahasa dan kaum.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) mendidik pengguna dan pengendali aplikasi media sosial supaya mereka menjadi lebih bertanggungjawab dan beretika ketika menggunakan aplikasi tersebut dan tidak menggunakan media sosial untuk mencetuskan sentimen perkauman, menabur fitnah, meracuni fikiran masyarakat sehingga merosakkan ketenteraman awam.
- b) menguatkuasakan undang-undang yang boleh diguna bagi mengawal selia penggunaan Internet dalam negara kita seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta

NO SOALAN: 58

563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286) serta Kanun Keseksaan (Akta 574).

- c) menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional di dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- d) menggubal Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk mempromosikan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- e) mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi:
 - i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.

NO SOALAN: 58

- iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.

- f) memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

- g) melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.

- h) mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.

- i) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- j) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

NO SOALAN: 58

- k) menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

- l) menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

- m) menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan negeri-negeri yang ketinggalan dalam pembangunan dapat diberikan keutamaan dalam usaha mengangkat Malaysia ke taraf sebagai sebuah negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap pembangunan negeri-negeri dalam usaha mencapai negara maju dan inklusif. Tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang lebih baik dan seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri. Justeru, usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan dalam Tonggak Ke-3 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang.
2. Dalam usaha merapatkan jurang pembangunan negeri-negeri kurang membangun dan memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada strategi-strategi antaranya ialah memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri dan wilayah, memoden dan mempelbagai asas ekonomi dan menggalakkan bandar yang berdaya saing. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, Kerajaan akan membuat agihan peruntukan pembangunan dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun, iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.
3. Di bawah *Rolling Plan 4* (2019) RMKe-11, negeri-negeri tersebut telah pun diperuntukkan sejumlah RM13.2 billion atau 24.1% daripada

NO SOALAN: 59

jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 10.6%, iaitu sebanyak RM1.26 billion daripada tahun sebelumnya (RM11.9 bilion pada 2018). Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 349 projek baharu dan 1,696 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

4. Bagi merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, strategi Kerajaan akan tertumpu kepada mempertingkatkan infrastruktur luar bandar, menambah baik hubung kait antara bandar dan luar bandar dan mewujudkan aktiviti ekonomi setempat di luar bandar. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan terus memberi penekanan dalam penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Perhubungan Desa. Sebagai contoh, bagi negeri Sabah dan Sarawak, sebanyak RM2.05 bilion telah diluluskan Kerajaan di bawah peruntukan RP4 (2019) bagi melaksanakan projek-projek luar bandar tersebut. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 9.56%, iaitu sebanyak RM178.51 juta daripada tahun sebelumnya (RM1.87 bilion pada 2018).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Usaha untuk mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya tahan dan mampan akan terus dilaksanakan bagi melonjakkan pertumbuhan PKS merentasi semua sektor. Sehubungan itu, pelaksanaan 32 inisiatif termasuk enam Program Berimpak Tinggi

NO SOALAN: 59

di bawah Pelan Induk PKS, 2012-2020 akan dipergiat untuk membangunkan PKS yang berdaya tahan dan mampan. Usaha akan diperkukuh untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa modal insan, memperbanyak penerimgunaan teknologi dan inovasi, dan mempermudah urusan menjalankan perniagaan serta menambah baik akses kepada pembiayaan. Pada masa sama, Kerajaan melalui Halal Development Corporation (HDC) turut melaksanakan Program Mudah Cara Pensijilan Halal meliputi negeri-negeri termasuk Kelantan dan Sabah untuk membangunkan usahawan dalam bidang industri halal.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan “shared prosperity”, Kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara wilayah, antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memelihara dan memajukan Institusi Pendidikan Pondok supaya kekal sebagai institusi pendidikan yang berwibawa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk memelihara dan memajukan Institusi Pendidikan Pondok supaya kekal sebagai institusi pendidikan yang berwibawa, dengan membantu dari segi infrastruktur, kemudahan prasarana, keselamatan dan mutu pengajian. Pada tahun 2019 Kerajaan melalui JAKIM akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM25 juta secara one-off kepada 158 buah sekolah pondok berdaftar dengan JAIN/MAIN bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf bangunan serta infrastruktur. Di samping itu, pada tahun ini juga JAKIM akan bekerjasama dengan Institut Aminudin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan kursus pengurusan dan kepimpinan pendidikan kepada tuan-tuan guru pondok. Dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan pula, JAKIM bekerjasama dengan National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) untuk melaksanakan kursus tersebut kepada warga pondok.

Selain itu, bagi memajukan Institusi Pendidikan Pondok supaya terus kekal sebagai institusi pendidikan yang berwibawa, JAKIM telah mengambil inisiatif menganjurkan Konvensyen Pondok Peringkat Kebangsaan 2019 pada 28 Februari 2019, yang memfokuskan kepada usaha-usaha penambahbaikan sistem pengajian pondok. JAKIM juga sentiasa bekerjasama erat dengan negeri-negeri bagi memperkasa pondok-pondok di seluruh negara agar ia selari dengan pendidikan arus perdana negara.

NO SOALAN: 60

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah benar industri buku di Malaysia di dalam keadaan kritikal; dan
- (b) bagaimanakah promosi dan pelan menuju ke arah pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia pada 1 April 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa industri buku di Malaysia menunjukkan trend penguncupan sejak kebelakangan ini namun keadaan ini tidak kritikal. Penguncupan ini terlihat dalam situasi seperti kehilangan insentif cukai pendapatan RM1000.00 khusus untuk pembelian buku oleh pembayar cukai (sekarang termasuk dalam pelepasan cukai gaya hidup yang tercakup juga pembelian peralatan sukan dan teknologi maklumat dan komunikasi), ketiadaan baucar buku yang bernilai RM300 juta seperti sebelum ini dan pengurangan peruntukan pembelian buku kepada perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah. Kehilangan insentif cukai memberikan kesan kepada kedai buku yang mula mengurangkan kuantiti buku yang dijual dan terpaksa mengecilkan ruang jualan buku. Bagi memenuhi kriteria taraf negara maju yang ditetapkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), iaitu jumlah penerbitan sebanyak satu peratus bagi setiap juta penduduk, industri buku di Malaysia perlu dibantu. Hal ini adalah kerana jumlah penerbitan sebanyak 27,862 (bahan bercetak dan bahan digital) bagi tahun 2018 adalah jauh berkurangan berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia yang melebihi 32 juta orang.
- (b) Kuala Lumpur akan menjadi Ibu Kota Buku Dunia 2020 mulai 23 April 2020 sehingga 22 April 2021. Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti perbukuan, pembacaan, kesusasteraan dan kebudayaan yang

NO SOALAN: 61

dirancang mencapai sasaran yang ditetapkan menjelang pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020, dua jawatankuasa telah dibentuk, iaitu Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan bersama-sama oleh Menteri Pendidikan dan Menteri Wilayah Persekutuan; dan Jawatankuasa Pelaksana yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sekretariat Khas yang terdiri daripada wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia yang mempunyai hubungan terus dengan Majlis Penasihat Ibu Kota Buku Dunia [World Book Capital (WBC)] untuk Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), iaitu *International Publisher Association (IPA)* dan *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)* juga telah dibentuk. Pembentukan Sekretariat ini adalah untuk membuat perancangan strategik dan menggerakkan pelaksanaan program yang telah dirancang bagi tempoh tiga tahun, iaitu bermula pada tahun 2019 sehingga 2021. Pejabat Sekretariat Kuala Lumpur WBC juga telah dibuka dan mempunyai bilik yang boleh digunakan untuk menganjurkan aktiviti perbukuan, pembacaan, kesusasteraan dan kebudayaan yang bersesuaian.

KPM, melalui DBP, dan Kementerian Wilayah Persekutuan, melalui DBKL, bekerjasama rapat dalam pelaksanaan dan pemantauan program dan aktiviti menjelang pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020.

NO SOALAN: 61

DBKL menyediakan kemudahan dari segi infrastruktur/prasarana, manakala DBP dan pelbagai agensi perbukuan yang lain bertanggungjawab terhadap pengisian program. Projek besar di bawah DBKL adalah seperti Sungai Nadi Kehidupan (River of Life), Lorong Buku di Kuala Lumpur dan Projek Naik Taraf Perpustakaan di kawasan perumahan rakyat di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

Medium dan aktiviti komunikasi yang digunakan bagi mempromosikan aktiviti yang telah dirancang terdiri daripada media massa seperti media elektronik, media sosial dan media cetak. Laman sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Tweeter* digunakan sepenuhnya untuk mempromosikan aktiviti yang akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam memperkasakan ekonomi negara dengan mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan bagi mengembalikan semula keyakinan para pelabur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 4.7% pada tahun 2018, dalam lingkungan pertumbuhan yang disasarkan bagi tempoh 2018-2020 iaitu pada kadar purata 4.5% hingga 5.5%. Bagi tahun 2019, Kerajaan menyasarkan pertumbuhan ekonomi meningkat pada kadar 4.3% hingga 4.8%, disokong oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta (6.6%) dan pelaburan swasta (4.9%).
2. Bagi mewujudkan persekitaran mesra perniagaan, Kerajaan terus memperkukuhkan ekosistem bagi membolehkan pelaburan swasta kekal sebagai pemangkin pertumbuhan. Berdasarkan kepada Laporan *Doing Business 2019* oleh Bank Dunia, kedudukan daya saing Malaysia telah meningkat ke tangga ke-15 berbanding 190 negara. Ini merupakan peningkatan sebanyak 9 anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Malaysia juga merupakan antara lima negara terbaik dunia dalam beberapa bidang yang diukur untuk menjalankan perniagaan, terutamanya dalam bidang melindungi pelabur minoriti yang mana Malaysia berkedudukan kedua di belakang New Zealand.
3. Prestasi terkini bagi jumlah pelaburan swasta bagi 2018 yang diluluskan oleh MIDA menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 115.4% bagi pelaburan langsung asing pada separuh kedua tahun 2018 (RM54.9 bilion), berbanding separuh pertama tahun 2018

NO SOALAN: 62

(RM25.5 bilion). Usaha berterusan sentiasa dilaksana untuk meningkatkan kemasukan pelaburan swasta berkualiti bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi. Sektor yang menjadi keutamaan ialah sektor pembuatan dan perkhidmatan yang merupakan penyumbang ekonomi terbesar negara dengan sasaran purata 79% daripada KDNK.

4. Bagi memastikan keyakinan para pelabur ini kekal dan terus meningkat, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas telah menggariskan beberapa inisiatif seperti berikut:
 - (i) Pertama, memperkukuh pertumbuhan sektoral dan mereformasi struktur melalui pelbagai usaha untuk meningkatkan pertumbuhan sektoral melalui peningkatan produktiviti untuk menambah baik daya saing negara. Tumpuan diberi untuk mempercepat transformasi sektor perkhidmatan dan memastikan sektor pembuatan menghasilkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta produk yang pelbagai dan kompleks.
 - (ii) Kedua, meningkatkan inovasi dan penerimgunaan teknologi melalui pengenalan Revolusi Perindustrian Keempat bertujuan sebagai pemangkin kepada inovasi dan menggalakkan penerimgunaan teknologi terkini.

NO SOALAN: 62

- (iii) Ketiga, menyediakan infrastruktur berkualiti bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan di sepanjang rantaian nilai untuk mengukuhkan daya saing. Selain itu, sistem pengangkutan bersepadu akan diwujudkan bagi membolehkan pergerakan barangan dan penumpang yang lancar.
5. Berdasarkan kepada inisiatif-inisiatif ini, Kerajaan yakin bahawa Malaysia akan kekal sebagai salah satu destinasi tumpuan para pelabur.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan bilangan koperasi sekolah yang beroperasi di seluruh negara dan berapakah nilai bantuan yang diberikan pada tahun 2018 dan 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Mac 2019, terdapat 2,426 buah koperasi sekolah yang beroperasi seluruh negara yang meliputi pelbagai Kategori Sekolah dengan keahlian seramai 1,607,595 orang. Kategori Sekolah Kerajaan Harian mempunyai jumlah koperasi tertinggi dengan 2,070 buah diikuti dengan Kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dengan 81 buah koperasi.
2. Koperasi sekolah juga diberi bimbingan, latihan dan akses pembiayaan yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi termasuk bantuan pembangunan bagi menjalankan aktiviti ekonomi.
3. Bagi tiga bulan pertama tahun 2019 (Januari – Mac 2019), bantuan pembangunan SKM sebanyak RM461,000 telah disalurkan kepada 16 buah koperasi sekolah di seluruh negara.
4. Pada tahun 2018, 71 buah koperasi sekolah menerima bantuan pembangunan SKM dengan jumlah keseluruhan RM2,030,600. Aktiviti utama koperasi sekolah yang menerima bantuan pembangunan adalah aktiviti peruncitan dan pertanian.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN**Bilangan koperasi mengikut tahun 2018 dan 2019 (Jan – Mac)**

No.	Kategori Sekolah	Jumlah Koperasi	
		2018	2019 Jan-Mac
1.	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	79	81
2.	Sekolah Berasrama Penuh (Agama)	29	29
3.	Sekolah Berasrama Penuh (MRSM)	54	54
4.	Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	61	61
5.	Sekolah Kerajaan Harian	2,067	2,070
6.	Sekolah Menengah Teknik	38	38
7.	Kolej Vokasional	41	41
8.	Sekolah Pendidikan Khas	15	15
9.	Sekolah Seni	2	2
10.	Sekolah Sukan	5	5
11.	Sekolah swasta	30	30
	Jumlah Besar	2,421	2,426

NO SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 25 APRIL 2019

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenyataan yang dibuat oleh Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seng (UKM) bahawa pengiktirafan kepada UEC sebagai syarat menduduki CLP disifatkan sebagai tindakan gopoh yang tidak menghormati sensitiviti rakyat terutama orang Melayu. Apakah pandangan Menteri dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu jawatankuasa khas, iaitu Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (UEC) atau PPD-UEC pada 29 Oktober 2018 untuk mengkaji isu pengiktirafan UEC.

PPD-UEC melaksanakan tugasannya berdasarkan terma rujukan yang disediakan oleh KPM. Pendekatan yang diguna pakai oleh PPD-UEC ini ialah menerusi pendekatan pencarian maklumat (*facts-finding*). Pasukan ini telah diberikan tempoh selama enam (6) bulan, iaitu sehingga Julai 2019 untuk meneliti dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC kepada pengurusan tertinggi KPM untuk pertimbangan selanjutnya. Oleh yang demikian, saya memohon supaya semua pihak, sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang dapat bersabar dan tidak tergesa-gesa dalam membuat kenyataan mengenai UEC.

Isu mengenai UEC yang telah berlarutan selama hampir 45 tahun sememangnya suatu isu yang sensitif kepada rakyat, khususnya orang Melayu dan Cina. Seharusnya semua pihak tidak mempolitikkan isu UEC ini dengan membuat kenyataan-kenyataan yang mengelirukan rakyat. Saya berharap semua pihak yakin dengan kemampuan pasukan petugas khas yang telah dilantik oleh pihak Kementerian. Saya juga menegaskan sebarang keputusan berhubung pengiktirafan UEC hanya boleh dibuat oleh Jemaah Menteri.

NO SOALAN: 64

KPM akan memastikan isu UEC tidak menjejaskan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu, serta tidak menjejaskan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah indikator yang membuktikan bahawa tindakan untuk membantu rakyat meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup, termasuk Bantuan Sara Hidup telah memberikan kesan yang positif masing-masing kepada penduduk di bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah melaksanakan:

1. inisiatif **MY100** bagi pengguna Rapid Rail dan **MY50** bagi pengguna Bas Rapid Transit (BRT);
2. pelaksanaan **tambang diskaun Xtra20** bagi **Komuter KTM** telah mula dilaksanakan pada **1 April 2019**; dan
3. Sepanjang pelaksanaan sehingga bulan Mac 2019, Program Food Bank Malaysia telah berjaya membantu sejumlah 113,706 ahli isi rumah.

Keberkesanan program dan inisiatif ini boleh diukur melalui peratus perubahan **Indeks Harga Pengguna (IHP)** dalam kumpulan **Pengangkutan** di mana telah mencatatkan **penurunan** iaitu pada **kadar -7.8% pada Januari 2019** berbanding **5.7% pada bulan yang sama tahun sebelumnya**.

Bagi inisiatif **Bantuan Sara Hidup (BSH)**, Kerajaan akan melaksanakan kajian impak bagi melihat keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini.

NO SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan doktor pakar di hospital Kerajaan yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan di hospital Kerajaan dan berpindah ke hospital swasta dari tahun 1999 hingga 2018. Apakah langkah Kerajaan untuk mengawal penghijrahan doktor-doktor pakar ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan Pegawai Perubatan Pakar yang meletakkan jawatan bagi tempoh 8 tahun mulai 2011 hingga 28 Februari 2019 adalah seramai 1,208 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26% iaitu 311 pegawai meletakkan jawatan untuk berkhidmat di hospital swasta.

KKM sentiasa berusaha mengawal penghijrahan Pegawai Perubatan Pakar supaya mereka terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya 4 tahun serta memenuhi syarat-syarat tertentu diberi kelonggaran satu (1) hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi berkuat kuasa 1 Januari 2018;
- ii. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- iii. Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun sebanyak RM200 sejam;

NO SOALAN: 66

- iv. Memperkenalkan Program *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar berpeluang menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP. Selain itu, pesakit juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan penjagaan rawatan di hospital kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu;
- v. Kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) bermula 9 Mac 2010. Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred UD54;
- vi. Menambahbaik peluang kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar dengan mewujudkan Gred UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada di atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun;
- vii. Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran;
- viii. Menawarkan peluang latihan di luar Negara bagi kursus jangka pendek;
- ix. Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada

NO SOALAN: 66

RM3,100.00 bermula 1 Januari 2009. Peningkatan ini melibatkan jumlah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;

- x. Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (EKLWBB) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am; dan

- xi. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

NO SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tahap perkembangan terkini penubuhan "Independent Living Centre" bagi OKU, yang mana peruntukan telah diagihkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

NO SOALAN: 67

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Independent Living Centre (ILC) merupakan salah satu strategi atau pendekatan yang digunakan bagi melakukan pembangunan secara efektif untuk golongan OKU sepertimana yang disarankan dalam Model Sosial adalah melalui falsafah Kehidupan Berdikari (*Independent Living*). Daripada falsafah inilah munculnya Pusat Kehidupan Berdikari (*Independent Living Centre*) yang berperanan untuk memperkasakan OKU dan pada masa yang sama melakukan proses pengupayaan (*enablement*) dalam masyarakat.

ILC terbuka untuk semua OKU terutama yang tinggal berhampiran dan dalam kalangan OKU yang mengalami kecacatan / kekurangan teruk (*severe impairment*). Pusat ini juga menyasarkan OKU yang ingin memulakan kehidupan secara berdikari atau dalam kalangan mereka yang telah lama berada dalam sesebuah institusi atau di bawah jagaan ahli keluarga.

Sehingga kini, perancangan penubuhan *Independent Living Centre* bagi OKU telah dijalankan seawal bulan Januari 2019 dimulakan dengan lawatan ke NGO-NGO berkaitan iaitu *Beautiful Gate Foundation* (BGF) pada 4 Januari 2019, *Malaysia Independent Living Association for the Disabled* (MILAD) pada 4 Januari 2019, *Malaysia Independent Living and Training Centre* (ILTC) pada 28 Januari 2019 dan *Akademi Remaja Islam Autisme* (ARISMA) pada 14 Februari 2019.

NO SOALAN: 67

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Penubuhan *Independent Living Centre* (ILC) Bil. 1/2019 telah diadakan pada 6 Mac 2019. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Penyaluran Geran Pengoperasian ILC Bil. 1/2019 telah diadakan pada 28 Mac 2019. Hasil yang diputuskan daripada mesyuarat tersebut, dua buah ILC akan dilaksanakan dengan kerjasama NGO sebagai projek rintis.

Seterusnya beberapa siri latihan berkaitan ILC akan dilaksanakan pada Mei – Jun 2019 merangkumi Bengkel *Peer Counseling*, Bengkel TOT *Personal Assistant*, dan Kursus *Personal Assistant* bagi petugas ILC.

NO SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencerahan terperinci mengenai tajuk berita "Beban Guru Kurang 25 peratus" seperti mana yang dilaporkan dalam salah sebuah akhbar tempatan pada 15.01.2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap beban tugas guru dan berusaha mencari kaedah terbaik bagi mengatasi isu beban tugas guru di sekolah. Berkenaan usaha KPM untuk mengurangkan beban tugas guru, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru telah memutuskan lima (5) inisiatif sebagai tindakan jangka pendek bagi membantu menangani beban tugas guru dan telah diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan semasa perutusan tahun baharu 2019. Inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti;

1. memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
2. pengurusan data dan sistem *online* iaitu pengumpulan data sekolah, guru dan murid dari sumber sedia ada dari KPM dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid (APDM) yang mesra pengguna menggantikan jadual kedatangan murid. Bagi sekolah yang tiada capaian internet, kehadiran murid direkod secara manual;
3. pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. penyeragaman pelbagai borang bagi pemantauan kantin dan kontraktor kebersihan dan keselamatan sekolah serta tiada lagi aktiviti berunsurkan pertandingan yang diselaraskan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah; dan

NO SOALAN: 68

5. penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Kementerian juga sedang memperhalusi tindakan-tindakan bagi jangka sederhana dan panjang untuk dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan beban guru.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN
TARIKH : 25 APRIL 2019

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kes yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) semasa berlangsungnya 6 Pilihanraya Kecil (PRK) dan apakah status semua laporan tersebut; dan
- (b) bagaimana SPR memastikan tiada lagi isu-isu seperti Menteri dan Timbalan Menteri menyalahgunakan aset serta peruntukan Kementerian ketika berkempen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kesalahan pilihan raya yang direkodkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dari Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.49 Sungai Kandis, Selangor hingga PRK DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan adalah sebanyak **219 kesalahan pilihan raya**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **29 laporan polis** telah dibuat oleh SPR. Justeru, laporan polis tersebut masih dalam tindakan siasatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Berhubung dengan isu penyalahgunaan aset Kerajaan oleh Anggota Pentadbiran semasa kempen pilihan raya, SPR tidak menghalang mana-mana calon untuk berkempen tetapi ia hendaklah dilaksanakan selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) dan undang-undang lain yang berkaitan.

Dalam memastikan kelancaran aktiviti berkempen semasa PRK yang dilaksanakan sebelum ini, SPR telah mengedarkan **Surat Pematuhan Peraturan Kempen Pilihan Raya Semasa Tempoh Berkempen dan Hari Mengundi** bagi memaklumkan peraturan dan syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap calon dan parti yang bertanding semasa pilihan raya. Di samping itu, SPR turut mengemukakan **Surat Pemantauan SPR Semasa Hari Mengundi** kepada calon dan parti yang bertanding bagi memaklumkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan semasa pilihan raya. SPR turut menyediakan **Surat Aku Janji Calon Semasa Tempoh Berkempen dan**

NO SOALAN: 69

Hari Mengundi untuk ditandatangani oleh calon yang bertanding semasa pilihan raya. Ini bagi memastikan setiap calon yang bertanding adalah komited untuk melaksanakan aktiviti kempen pilihan raya mengikut arahan dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

Pada setiap kali penganjuran pilihan raya, SPR sentiasa **memberi saranan kepada semua pihak agar membuat laporan kesalahan pilihan raya kepada mana-mana jabatan/agensi yang berkaitan** seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sekiranya mempunyai maklumat mengenai kesalahan pilihan raya yang telah berlaku semasa pilihan raya. Ini bagi membolehkan tindakan dan siasatan segera diambil oleh jabatan/agensi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR amat memerlukan **kerjasama yang menyeluruh daripada setiap parti politik, jabatan/agensi, NGO dan pihak-pihak lain yang berkaitan** dalam memastikan urusan kempen pilihan raya dilaksanakan secara lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN
SALLEH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Haji Abidullah Bin Salleh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pengamal sains kesihatan bersekutu yang tidak berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (iaitu Akta 774). Mengikut akta ini, pengamal berkenaan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000.00 atau penjara sehingga tempoh 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) telah diwartakan pada 18 Februari 2016. Akta ini diwujudkan bertujuan untuk menubuhkan sebuah Majlis yang akan dikenali sebagai Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia. Majlis ini akan dipertanggungjawabkan untuk mendaftarkan orang yang mengamal sebagai pengamal kesihatan bersekutu dan juga orang yang menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu serta mengawal selia amalan Profesion Kesihatan Bersekutu. Sejumlah 23 profesion kesihatan bersekutu tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Profesion Kesihatan Bersekutu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga kini, Akta Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) 2016 masih belum dikuatkuasakan. Sebaik sahaja Akta PKB dikuatkuasakan, adalah dijangkakan bahawa seramai 30,000 hingga ke 40,000 pengamal kesihatan bersekutu akan berdaftar di bawah akta tersebut. Merujuk kepada seksyen 46 Akta PKB, pengamal kesihatan bersekutu yang sedang mengamal diberi tempoh peralihan selama 12 bulan dari tarikh akta tersebut dikuatkuasakan untuk mendaftar. Selepas tempoh peralihan ini tamat, barulah tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan. Mana-mana pengamal yang tidak berdaftar selepas tempoh peralihan tersebut akan dikenakan tindakan di bawah seksyen 33 Akta PKB. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu)

NO SOALAN: 70

sedang giat menjalankan usaha-usaha di peringkat akhir ke arah penguatkuasaan akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan semua pengamal kesihatan bersekutu berdaftar di bawah akta ini, pihak KKM akan melantik pegawai penguatkuasa sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 38, 39 dan 40. Pegawai-pegawai yang dilantik akan ditempatkan di setiap negeri bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan untuk memastikan mana-mana pengamal-pengamal yang tidak mendaftar di ambil tindakan undang-undang sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 32, 33, 34, 35, dan 36 Akta PKB.

Sebagai persediaan awal juga, pihak KKM telah mewujudkan cawangan regulatori di peringkat bahagian untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti latihan penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai yang bakal dilantik sebagai pegawai penguatkuasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memindahkan Ibu Pejabat Brigad Kelima dari Lok Kawi, Kota Kinabalu kepada kawasan Timur Sabah seperti Lahad Datu, Kunak atau Sandakan di mana risiko keselamatan adalah lebih tinggi dan terdedah kepada anasir-anasir penjenayah dan pengganas yang datang daripada selatan Negara Filipina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penempatan sesebuah markas briged perlu mengambil kira kedudukan strategik, doktrin dan konsep atur gerak yang dipraktikkan oleh pasukan tentera.

Sehubungan dengan itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tiada perancangan untuk memindahkan Markas 5 Briged dari Kem Lok Kawi ke kawasan Pantai Timur Sabah kerana telah sedia ada Markas 13 Briged di Lahad Datu yang bertanggungjawab selaku pemerintah operasi bersama Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB 2) di kawasan berkenaan. Selain itu, di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu juga telah ditempatkan pasukan batalion infantri sebagai benteng pertahanan hadapan. Penempatan aset juga telah diperkemaskan termasuk atur gerak kereta perisai, aset artileri dan aset-aset lain di lokasi-lokasi strategik di negeri Sabah.

NO SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan ukuran baru kos sara hidup atau disebut sebagai "Cost of Living Index" ini mampu menjadi panduan baru dalam majikan mengawal kenaikan gaji berbanding Consumer Price Index (CPI) dalam memastikan setiap lapisan masyarakat dapat merasai konsep "shared prosperity" ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) atau *Consumer Price Index* (CPI) adalah satu indikator yang digunakan untuk mengukur perubahan harga purata barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh isi rumah mengikut 12 kumpulan utama dalam tempoh tertentu. Kos sara hidup pula merujuk kepada ukuran jumlah Ringgit yang diperlukan untuk membeli sejumlah barang dan perkhidmatan berdasarkan tingkat kualiti hidup tertentu. IHP tidak sesuai digunakan untuk mengukur kos sara hidup memandangkan ianya hanya mengukur perubahan harga purata dari semasa ke semasa.
2. Sehubungan itu, satu indeks yang lebih sesuai iaitu Indeks Kos Sara Hidup atau *Cost Of Living Index* (CLI) perlu dibangunkan. CLI boleh digunakan untuk mengenal pasti kos sara hidup mengikut kawasan/negeri serta membantu penggubal dasar dalam menyediakan dasar berkaitan gaji/upah, pelaburan dan melaksanakan agihan pendapatan dengan lebih efisien seterusnya membantu mengatasi jurang pendapatan yang wujud di kalangan isi rumah.
3. Pasa masa ini, CLI sedang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Institut Penyelidikan Khazanah.

NO SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN
MOHD YUSOFF
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini jumlah pempamer dan delegasi asing yang terlibat dalam LIMA'19 baru-baru ini dan apakah matlamat Kementerian untuk penganjuran kali ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2019 (LIMA`19) yang diadakan pada 26 hingga 30 Mac 2019 telah menarik penyertaan seramai 406 syarikat pempamer dari 32 buah negara yang terlibat secara langsung dalam segmen aeroangkasa dan maritim bagi sektor pertahanan dan komersil.

LIMA`19 mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila menjadi LIMA yang terbaik sepanjang edisi penganjurannya. Pembabitan Kementerian Pengangkutan juga menggalakkan penyertaan lebih banyak syarikat komersil di pameran LIMA`19, sekaligus meningkatkan peratusan aspek komersil dalam penganjuran kali ini.

Seramai 410 delegasi antarabangsa daripada 49 negara telah hadir ke LIMA`19 yang terdiri daripada rakan sejawat kepada Menteri Pertahanan, Menteri Pengangkutan, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan serta tetamu lain dari agensi keselamatan dan penguatkuasaan luar negara. Kehadiran delegasi luar ini telah menunjukkan keutuhan hubungan diplomatik yang terjalin di samping keyakinan negara luar kepada kestabilan politik dalam negara.

Melalui penganjuran pameran LIMA`19, syarikat-syarikat industri pertahanan dari seluruh dunia yang terlibat dalam pameran ini dapat

NO SOALAN: 73

menggunakan peluang bagi mewujudkan jaringan kerjasama dan secara tidak langsung menjadikan Malaysia sebagai pusat (hub) untuk memasarkan produk mereka ke benua Asia khususnya di rantau Asia Pasifik. Kerjasama strategik dan kolaborasi yang wujud telah membolehkan penggiat industri pertahanan tempatan mendapatkan teknologi baru, meningkatkan keupayaan syarikat dan peluang menembusi pasaran pertahanan global.

LIMA`19 turut memberi peluang bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk melihat sendiri kemampuan dan teknologi pertahanan terbaharu serta memperhalusi spesifikasi pesawat dan aset maritim khususnya melalui penyertaan oleh syarikat-syarikat gergasi pertahanan dunia seperti Airbus Group, Dassault, Thales, Konsberg, BAE Systems, SAAB, Rafale, Roketsan dan United Aircraft Corporation (UAC).

NO SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah perancangan dan pembahagian belanjawan pengurusan negara 2020 akan berdasarkan konsep perkongsian kuasa di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung atau masih lagi mengikut formula 2019 berdasarkan 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan.

JAWAPAN

Perancangan belanjawan setiap tahun dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan dan input daripada semua pihak termasuk Kerajaan negeri. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan komited dalam memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan diagihkan secara adil dan saksama kepada semua pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembahagian belanjawan pengurusan negara dilaksanakan berdasarkan formula yang diguna pakai pada tahun-tahun sebelumnya berdasarkan 13 negeri dan 3 wilayah Persekutuan. Ini adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan seperti di Perkara 74(1), 80(5), 82, 108(4) (h), 109, dan 112 serta Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 [Akta 181].

Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada wakil Persekutuan serta Sabah dan Sarawak, diberi tempoh selama enam (6) bulan untuk melaksanakan kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan serta dijadualkan melengkapkan laporan hasil rundingan pada pertengahan tahun ini.

NO SOALAN: 74

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu- isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

NO SOALAN: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah daftar kenderaan di seluruh negara dan berapakah jumlah kenderaan yang tidak aktif atau tidak mempunyai Lesen Kenderaan Motor yang sah bagi tempoh hingga Mac 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan keseluruhan kenderaan berdaftar sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak 30,263,387 buah kenderaan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 20,325,001 buah adalah kenderaan yang aktif manakala 9,938,386 buah merupakan kenderaan yang tidak aktif. Kenderaan tidak aktif adalah sesebuah kenderaan yang tidak diperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM) kenderaan tersebut melebihi tempoh tiga (3) tahun.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah kaedah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengenal pasti dan menghukum para peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan selepas pelaksanaan Sales and Service Tax (SST).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian bertindak tegas dan tidak akan berkompromi terhadap peniaga yang mengambil kesempatan mengeksploitasi harga dan menjejaskan kepentingan pengguna. Bagi **1 September 2018 hingga 31 Mac 2019** sebanyak **3,474 kertas siasatan** telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 di seluruh negara atas kesalahan antaranya ialah **tiada penandaan harga** (3264 kertas siasatan), **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** (142 kertas siasatan), kesalahan berkaitan **pencatutan** (50 kertas siasatan).

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan Kementerian bagi memantau peniaga-peniaga yang cuba mengambil kesempatan keuntungan tinggi yang tidak munasabah adalah seperti berikut:

- i. melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** iaitu:
 - a. penguatkuasaan terhadap pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018** yang mula berkuatkuasa pada **6 Jun 2018**;

NO SOALAN: 76

- b. pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi **seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara di bawah **Operasi Catut 5.0** bermula pada 8 Ogos 2018. Operasi ini telah menggerakkan semua anggota penguatkuasa Kementerian seluruh negara bagi membendung isu kenaikan harga barang di pasaran;
- c. pengeluaran **Notis** bertulis di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan;
- d. penguatkuasaan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** yang mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga.

NO SOALAN: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah dan peratus pelajar PT3 menyambung pelajaran ke Kolej Vokasional bagi tahun 2018-2019; dan
- (b) apakah peluang dan hala tuju pelajar Kolej Vokasional dalam melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa membuka peluang kepada semua murid warganegara untuk memohon kemasukan ke kolej vokasional (KV) berdasarkan syarat kemasukan yang telah ditetapkan. Pengambilan murid ke program KV adalah terbuka kepada semua murid lepasan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang mempunyai minat dan kecenderungan tinggi dalam bidang kemahiran dan vokasional. Pada tahun 2018 seramai 15,354 orang atau 4.1 peratus murid lepasan Tingkatan Tiga memasuki kolej vokasional, manakala seramai 10,475 orang atau 2.6 peratus murid memasuki kolej vokasional pada tahun 2019.

- (b) Penubuhan KV adalah bertujuan untuk melahirkan tenaga mahir bagi keperluan industri dalam merealisasikan negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sasaran keberhasilan (*outcomes*) graduan KV adalah 70 peratus untuk bekerja di industri, 20 peratus pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian dan 10 peratus adalah untuk menjadi usahawan.

KPM telah mengambil inisiatif memberi akses kepada pelajar lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat kemasukan berikut:

NO SOALAN: 77

- i. Kesetaraan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dengan 3 kredit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) iaitu;
 1. kepujian Bahasa Melayu 1104;
 2. PNGK Akademik sekurang-kurangnya 2.00;
 3. PNGK Vokasional sekurang-kurangnya 2.67;
 4. kompeten semua modul vokasional; dan
 5. lulus mata pelajaran Sejarah SPM (lulus Sejarah SVM kod 1251 bagi lulusan SVM kohort 2013-2016).

- ii. Memenuhi keperluan kredit/lulus mata pelajaran tertentu peringkat SPM seperti yang ditetapkan dalam standard program dan badan profesional (sekiranya berkaitan).

Bagi kemasukan ke institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), boleh dipertimbangkan dengan menggunakan kelayakan DVM sebagai syarat kemasukan ke IPTS tertakluk kepada kelulusan Senat IPTS masing-masing yang mengambil kira Sijil Vokasional Malaysia (SVM) setara dengan tiga (3) kredit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi calon (kohort 2012-2016) yang memperolehi;

- i kepujian Bahasa Melayu 1104;
- ii PNGK Akademik sekurang-kurangnya 2.00;
- iii PNGK Vokasional sekurang-kurangnya 2.67; dan
- iv kompeten semua modul vokasional.

NO SOALAN: 77

Bagi lepasan SVM kohort 2013 - 2016, penyetaraan SVM dengan 3 kredit SPM juga perlu mengambil kira lulus mata pelajaran Sejarah SPM. Walaubagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bersama KPM-KPT (JKIB KPM-KPT) telah bersetuju agar lulusan DVM kohort 2013-2016 diberikan pengecualian lulus Sejarah dalam SPM.

Graduan DVM juga boleh menggunakan laluan Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) untuk mana-mana peringkat pengajian yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membentangkan hasil Inkuiri Nasional SUHAKAM berkenaan Tanah Adat Orang Asal ke Parlimen dan seterusnya mengambil tindakan terhadap rekomendasi laporan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman YB Senator, Kerajaan sentiasa komited untuk memenuhi **Janji 38 yang dinyatakan dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu “Membela Nasib Orang Asal di Semenanjung Malaysia”**. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji dan menyelaraskan tindakan di antara agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan bagi menyelesaikan kemelut berhubung isu berkaitan tanah adat yang selama ini dituntut oleh masyarakat orang asli di Semenanjung. Ini kerana isu ini sangat kompleks dan memerlukan penglibatan banyak pihak, baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri. Sehingga kini, Kerajaan masih belum memutuskan secara spesifik mana-mana agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan perkara ini secara tuntas.

Kerajaan juga pada peringkat ini sedang mengkaji berhubung keperluan untuk membawa laporan ini ke perbahasan Parlimen. Cadangan ini sedang diperhalusi dari pelbagai aspek sebelum sebarang keputusan mengenainya boleh dibuat.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik kanak-kanak yang pernah dan kini didaftar dalam program Permata Kurnia dan apakah langkah dan khidmat bantuan kepada keluarga yang mempunyai kanak-kanak Autisme.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kanak-kanak yang telah mendaftar dan menerima perkhidmatan di Pusat PERMATA Kurnia bagi tahun bermula 2016 sehingga 9 April 2019 adalah seramai 1,648 orang murid dengan pecahan seperti berikut;

1. seramai 546 orang murid bagi Program Prasekolah; dan
2. seramai 1,102 orang murid bagi Program Intervensi Awal.

Antara langkah-langkah dan khidmat bantuan yang disediakan oleh Pusat PERMATA Kurnia kepada keluarga yang mempunyai anak-anak autisme adalah seperti berikut:

1. mengadakan Program Intervensi Awal dan perkhidmatan konsultasi kepada ibu bapa sekurang-kurangnya satu (1) kali seminggu yang dikendalikan oleh Pegawai Intervensi PERMATA Kurnia dan Pensyarah Psikologi dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah dilantik sebagai Felo Bersekutu PERMATA Kurnia;
2. mengadakan latihan komuniti yang dijalankan oleh Pusat PERMATA Kurnia yang melibatkan latihan secara bersemuka, latihan atas talian dan penganjuran sesi ceramah kepada Badan-Badan Kerajaan (sekolah-sekolah) dan organisasi swasta berkaitan autisme;

NO SOALAN: 79

3. membangunkan *Massive Open Online Course* (MOOC) iKurnia yang merupakan sebuah platform kursus dalam talian dengan menyediakan maklumat dan latihan secara percuma mengenai autisme yang terkini, tepat dan berasaskan bukti (penyelidikan) kepada ibu bapa yang mempunyai anak autisme, guru, ahli terapi dan masyarakat; dan
4. membantu ibu bapa untuk mendapatkan perkhidmatan Pembantu Pendamping (*Shadow Aide*) sebagai salah satu kaedah untuk membantu kanak-kanak autisme menyesuaikan diri di aliran inklusif atau pendidikan khas semasa mereka memasuki alam persekolahan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah penjelasan pihak Kementerian terhadap bab-bab yang telah dimuktamadkan oleh Malaysia menerusi rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan apakah hasil kajian yang menyeluruh telah dilaksanakan bagi memastikan hak kedudukan dan agenda nasional kekal terpelihara setelah RCEP ini dipersetujui sepenuhnya kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN untuk mempertingkatkan integrasi dan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga rakan-rakan dialog. Rundingan RCEP dibuat berlandaskan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas sedia ada ASEAN dengan rakan-rakan dialog iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.
2. Keputusan untuk merundingkan adalah berdasarkan kepada kajian *cost and benefit*, dengan izin. Dua kaji selidik integrasi ekonomi melibatkan ASEAN+3 dan dua kaji selidik integrasi ekonomi ASEAN+6 telah dijalankan dan hasilnya telah dibentangkan di peringkat Ketua-Ketua Negara ASEAN. Proses ini telah mengambil masa tiga tahun iaitu dari 22 Julai 2006 sehinggalah 3 Julai 2009. Kajian-kajian ini secara amnya menyarankan bahawa integrasi ekonomi ASEAN+3 dan ASEAN+6 akan menyumbang kepada peningkatan pembangunan ekonomi rantau ini.
3. ASEAN telah mengambil langkah untuk hanya memulakan rundingan RCEP pada tahun 2013 setelah semua rundingan dengan keenam-enam rakan dialog ASEAN melalui Perjanjian ASEAN+1 telah dimuktamadkan. Ini adalah bagi memastikan ASEAN mempunyai asas yang kukuh untuk mengadakan rundingan RCEP. Setelah pelaksanaan kesemua FTA ASEAN+1, didapati bahawa wujudnya keperluan untuk menyelaraskan kesemua FTA tersebut memandangkan terdapatnya kesalinghubungan

NO SOALAN: 80

perdagangan dan pelaburan di antara kesemua negara-negara perunding RCEP.

4. Sejak Mei 2013 sehingga Februari 2019, sebanyak 25 pusingan rundingan telah diadakan. Sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan 7 daripada 16 kumpulan kerja iaitu:

- i. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF);
- ii. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
- iii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);
- iv. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- v. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vi. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan; dan
- vii. *Institutional Provisions*.

5. Mesyuarat berkaitan RCEP yang seterusnya akan diadakan pada bulan Jun tahun ini. Negara-negara RCEP komited untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada akhir tahun 2019 namun perkara ini bergantung kepada perkembangan rundingan dan fleksibiliti setiap negara perunding.

6. Untuk makluman, masih wujud sebilangan isu-isu tertunggak bersifat teknikal dan dasar yang memerlukan rundingan dan perbincangan yang lebih mendalam. Secara prinsipnya, mana-mana perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani oleh Malaysia perlu membawa kepada

NO SOALAN: 80

perdagangan yang adil dan *mutually beneficial outcomes*, dengan izin, kepada semua pihak yang terlibat.

NO SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS
TARIKH : 25 APRIL 2019

Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menanggungkan projek kereta terbang memandangkan keadaan ekonomi yang kurang baik ketika ini dan digantikan dengan program-program yang lebih memfokuskan kebajikan rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kereta Terbang atau lebih dikenali sebagai ***Air Mobility*** ini merupakan antara bidang keusahawanan baharu yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Industri ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *Air Mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.
2. Pembangunan projek ini juga tidak akan menggunakan peruntukan Kerajaan, sebaliknya ia merupakan inisiatif yang dipacu dan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Kementerian akan memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam pembangunan ekosistem industri *Air Mobility* terutamanya dalam aspek menggubal polisi, peraturan dan sokongan industri bagi memenuhi keperluan yang diperlukan untuk membangunkan industri ini.
3. Pembangunan projek ini akan diteruskan di mana Kementerian telah mengenal pasti industri ini sebagai *game changer* yang mampu menawarkan lebih banyak peluang dan cabang perniagaan kepada usahawan-usahawan tempatan untuk meneroka pasaran tempatan dan luar negara.

NO SOALAN: 81

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah penyelesaian yang boleh diambil apabila ramai peneroka FELDA tidak dapat membuat pinjaman di bank-bank komersial dengan mencagarkan geran tanah ladang mereka di mana sebelum penyenaraian FGV perkara ini tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah-tanah FELDA adalah tertakluk kepada Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1960. Oleh itu terdapat sekatan-sekatan dari segi perundangan yang terpakai kepada tanah FELDA.
2. Tanah-tanah milik peneroka FELDA telah dinyatakan dengan jelas di dalam geran di Sekatan Kepentingan iaitu, 'tanah ini tidak boleh dibuat sebarang urusan samada jual, pajak atau gadai kecuali dengan kebenaran kerajaan negeri'. Tujuan sekatan ini di buat adalah untuk mengelakkan pegangan tanah peneroka terlepas kepada pihak luar sekiranya urusan dibenarkan.
3. Sehubungan itu, tindakan mencagarkan geran tanah FELDA kepada bank komersil adalah menyalahi perundangan sedia ada. Sekiranya terdapat kes-kes berkenaan sebelum ini, ia dilaksanakan tanpa pengetahuan FELDA, iaitu mereka terus membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri.
4. Menyedari hal ini, FELDA membuat penambahbaikan dengan perbincangan bersama Kerajaan Negeri agar sebarang permohonan berkaitan tanah FELDA perlu dirujuk kepada pihak FELDA terlebih dahulu.

NO SOALAN: 82

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah jawatankuasa khas dan baru mempromosikan keamanan, perpaduan antara kaum serta agama ini juga mempunyai ruang memberi pandangan atau nasihat mengenai perkara keharmonian kaum termasuk fatwa bagi agama Islam serta agama lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah ditubuhkan pada 24 Februari 2010 di mana keanggotaannya terdiri seramai tiga puluh dua (32) orang. Seramai tujuh (7) orang daripadanya adalah wakil pemimpin agama utama di Malaysia iaitu mewakili agama Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Taoist, Sikh dan Baha'i. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh pakar akademik universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), wakil belia dan individu. Seramai dua (2) orang YB Menteri Penasihat yang bertanggungjawab memastikan JKMPKA ini berfungsi seperti mana hasrat Kerajaan adalah YB Menteri Hal Ehwal Agama dan YB Menteri Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala tiga (3) agensi yang terlibat secara langsung sebagai Sekretariat Bersama melaksanakan urustadbir JKMPKA ialah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Peranan dan fungsi JKMPKA ini adalah tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat pelbagai kaum, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai-nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama pihak-pihak Kerajaan.

NO SOALAN: 83

JKMPKA mempunyai tanggungjawab seperti berikut:-

- a) Mewujudkan, menggalakkan dan memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama agar terbina jambatan persahabatan berteraskan semangat saling hormat-menghormati dan percaya mempercayai serta bekerjasama di semua peringkat kepimpinan serta akar umbi;
- b) Menggalakkan semua penubuhan agama menghormati serta patuh kepada Perlembagaan Persekutuan khususnya yang berkaitan agama;
- c) Meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama dan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat agar menjadi sumber kekuatan negara;
- d) Melaksanakan secara bersama aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan harmoni;
- e) Bertindak sebagai mekanisme dan melaksanakan aktiviti intervensi iaitu secara kaedah mediasi (pengantara) apabila isu keagamaan, salah faham atau pertelingkahan antara penganut pelbagai agama mulai merebak dan berpotensi menjadi isu yang mungkin mengancam keharmonian masyarakat dan ketenteraman negara; dan

NO SOALAN: 83

- f) Berusaha memastikan semua pertubuhan dan badan agama mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan di semua peringkat sama ada pusat negeri ataupun Persekutuan.

Berdasarkan tanggungjawab ini, JKMPKA berperanan untuk mempromosikan persefahaman antara penganut pelbagai agama dan sebaliknya tidak diberikan mandat untuk mengeluarkan sebarang dasar atau fatwa yang berkaitan agama Islam atau mana-mana agama lain. Fatwa berkaitan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Fatwa Kebangsaan manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah menyediakan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia.

Walau bagaimanapun, keanggotaan JKMPKA boleh berkongsi pandangan di atas platform forum, dialog, ceramah dan sebagainya untuk memberi pencerahan tentang sesuatu isu kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai penganut agama di Malaysia, namun harus berhati-hati agar kenyataan tersebut tidak memihak kepada mana-mana agama tertentu. Selain itu, JKMPKA juga aktif mendampingi pelbagai agensi Kerajaan dan Kementerian yang berkaitan bagi membantu permasalahan penganut agama atau paderi, sami mahupun guru agama. Adalah wajar pendampingan seperti ini diteruskan malah dipertingkatkan. JKMPKA juga mencapai prestasi positif apabila Kerajaan berusaha menyediakan pelbagai platform yang bersesuaian untuk mempertingkatkan tahap keharmonian antara penganut agama. Setiap isu sensitif dibincangkan dengan matang dan berjaya mencapai titik persefahaman. Sehingga kini, fungsi JKMPKA masih relevan dan akan ditambahbaik untuk disesuaikan mengikut perubahan masa.

NO SOALAN: 83

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan pengubalan piawaian pelancongan aksesibel yang ditugaskan kepada Working Group on Accessible Tourism.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya adalah merupakan Pengerusi bagi *Industrial Standards Committee: Tourism, Exhibition and Hospitality Services (ISC-T)* yang kini dikenali sebagai *National Standards Committee: Tourism, Exhibition and Hospitality Services (NSC-T)* di peringkat nasional dengan diurusetikan oleh Jabatan Standards Malaysia. Sehingga 31 Mac 2019, sebanyak 29 *International Organization for Standardization (ISO) Standard* telah diterima pakai di bawah *Technical Committee: Tourism and Related Services (TC-228)*, manakala sebanyak 12 ISO masih dalam fasa pembangunan di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat NSC-T dan TC-T-1 tersebut turut melibatkan keanggotaan daripada wakil industri pelancongan dan institusi pengajian tinggi iaitu Persatuan Hotel Malaysia (MAH), *Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)*, Majlis Pemandu-Pemandu Pelancong Malaysia (MTGC) dan Kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sehubungan itu, pandangan/input/maklum balas pihak yang berkepentingan akan diambil kira dalam mengkaji dan meneliti semula skop kerja *Working Group on Accessible Tourism* berdasarkan implikasi, kehendak persekitaran dan kesesuaian semasa supaya ia selari dengan keperluan industri pelancongan negara.

NO SOALAN: 84

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan program yang dijalankan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) khususnya di Sarawak dalam membanteras penyalahgunaan dadah agar generasi dan anak Sarawak akan dapat diselamatkan daripada kehancuran.

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dalam masyarakat dan melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan pemulihan dadah termasuk anak-anak Sarawak. Program-program yang dijalankan di Sarawak mencakupi aspek pendidikan pencegahan, program-program rawatan dan pemulihan dalam komuniti dan juga operasi-operasi bersepadu yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan Jabatan/ Agensi lain.

Sehingga Mac 2019, sebanyak 33 program pendidikan pencegahan telah dilaksanakan oleh AADK meliputi seluruh daerah di Sarawak termasuk Serian, Mukah, Betong dan juga Kuching. Ia melibatkan program-program kepada institusi pendidikan, tempat kerja dan juga kepada keluarga yang berada di kawasan berisiko. Bagi program-program rawatan dan pemulihan dalam komuniti, ia lebih menumpukan kepada program psikososial untuk Orang Kena Pengawasan (OKP). OKP terdiri daripada klien-klien AADK yang telah selesai menjalani program-program rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan AADK di bawah perintah Mahkamah. Program-program rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan secara berterusan setiap bulan di 11 buah daerah seluruh negeri Sarawak. Program ini dilaksanakan secara kerap bagi memastikan mereka kekal dalam kepulihan dan tidak kembali menagih dadah.

NO SOALAN: 85

Selain daripada program pendidikan pencegahan dan program rawatan dan pemulihan dalam komuniti, AADK turut melaksanakan operasi-operasi penguatkuasaan secara berkolaborasi dengan Jabatan/ Agensi Kerajaan di negeri Sarawak. Operasi penguatkuasaan ini dilaksanakan untuk mengesan penagih-penagih dadah melalui aduan awam yang telah dilaporkan kepada AADK dan juga pengesanan pemandu-pemandu yang menggunakan dadah semasa berada di jalan raya. Ini secara khususnya merujuk kepada pemandu kenderaan berat seperti lori dan bas kerana ia boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain. Antara Jabatan yang sering bekerjasama dengan AADK dalam operasi bersepadu ini adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi operasi penguatkuasaan negeri Sarawak, sehingga April 2019, sebanyak enam (6) Operasi Bersepadu telah dilaksanakan manakala operasi yang dilaksanakan oleh AADK adalah sebanyak 47 operasi.

NO SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RABIYAH BINTI ALI
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan prospek pembangunan ekonomi yang perlu dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan masalah kekurangan penawaran kerja di pasaran tenaga kerja tempatan diatasi segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan hala tuju sosioekonomi yang baharu bagi tempoh 2018-2020 telah diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) yang mana akan melengkap inisiatif Kerajaan dalam mengukuhkan lagi asas ekonomi serta merencanakan pembangunan ekonomi Malaysia bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah negara maju dan inklusif. Bagi tujuan ini, lima strategi ekonomi makro telah digariskan seperti berikut:
 - (i) Pertama, memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
 - (ii) Kedua, menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi;
 - (iii) Ketiga, melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi;
 - (iv) Keempat, mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbalan pembayaran; dan

NO SOALAN: 86

- (v) Kelima, memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampuan dalam jangka sederhana.

Tuan Yang di-Pertua,

2. KSP RMKe-11 juga telah mengenalpasti cabaran yang perlu ditangani ke arah menjadikan pasaran buruh beroperasi dengan lebih cekap dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini, ketidakpadanan di antara permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh akan dikurangkan. Antara faktor penyumbang yang dikenalpasti kepada kadar pengangguran adalah industri yang berintensifkan buruh atau pekerja asing berkemahiran rendah. Sehubungan itu, strategi kedua dan ketiga ekonomi makro yang telah digariskan seperti di atas diharap dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran yang menawarkan gaji yang tinggi sesuai untuk pekerja tempatan.
3. Lambakan pekerja asing berkemahiran rendah didapati juga mengganggu adaptasi industri ke arah rantai nilai yang lebih tinggi yang memerlukan pekerja tempatan yang berkemahiran. Sehubungan itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah menetapkan bahawa peratus pekerja asing kepada guna tenaga hendaklah tidak melebihi 15 %. Beberapa langkah bagi mengurangkan bilangan pekerja asing telah diambil seperti meningkatkan kos penggajian pekerja asing melalui pengenalan kepada multi tier levi dan gaji minimum. Sistem multi tier levi yang masih dalam peringkat kajian akan mengenakan nilai levi yang berbeza mengikut sektor manakala

NO SOALAN: 86

gaji minimum yang ditingkatkan bagi pekerja asing dijangka akan menarik lebih ramai warga tempatan untuk menyertai pasaran buruh.

4. Inisiatif-inisiatif ini juga dijangka akan membantu dalam pewujudan 1.28 juta peluang pekerjaan seperti yang diunjurkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai masalah remaja hamil tanpa berkahwin (out-of-wedlock) yang kian meningkat. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah ini dari kian meningkat dan seterusnya menyumbang kepada gejala sosial di kalangan remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui LPPKN di bawah Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial telah melaksanakan pelbagai program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) bagi membantu menangani masalah remaja hamil tanpa berkahwin (out-of-wedlock) yang kian meningkat. Program ini disasarkan kepada remaja berumur 13 hingga 24 tahun dan dilaksanakan di sekolah, Institusi, komuniti dan di Pusat Remaja KafeTEEN.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah memberi pendidikan dan amalan cara gaya hidup sihat menggunakan modul seperti berikut:-

- i. Modul Kesihatan Reproduktif yang menekankan penolakan perlakuan seksual “ABSTINEN” – Katakan TIDAK kepada hubungan seks sebelum kahwin.
- ii. Modul Cakna Diri yang memberi maklumat berkaitan pengetahuan kesihatan reproduktif dan seksualiti remaja (Perkembangan remaja, Komunikasi, Penyakit jangkitan seksual – HIV/AIDS dan tingkah laku seksual) serta kemahiran teknik menghindari tingkah laku yang berisiko; dan
- iii. Modul SRH For Boys, yang memfokuskan kepada remaja lelaki, menekankan kepada kesihatan reproduktif lelaki termasuk isu keganasan terhadap wanita.

NO SOALAN: 87

Bermula dari tahun 2011 hingga 2018, LPPKN telah melaksanakan 5,786 program PEKERTI yang memberi manfaat kepada 290,048 golongan remaja. LPPKN turut melaksanakan program berkaitan kesihatan reproduktif untuk remaja melalui Pusat KafeTEEN. Melalui aktiviti pendidikan dan pembangunan kemahiran yang dianjurkan, ia telah memberi pengetahuan kepada 563,108 golongan remaja sejak 2006 hingga Disember 2018.

Kajian oleh Unit Perunding Universiti Malaya (UPUM) bagi penilaian program PEKERTI menunjukkan sebanyak 64 peratus (%) remaja yang menyertai program mendapat manfaat dan sekali gus terdapat peningkatan dalam pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif. Melalui Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Reproduksi dan Seksual Remaja di Semenanjung Malaysia 2011 melibatkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun mendapati pengetahuan mengenai Kesihatan Seksual dan Reproduksi (KSR) membantu menangani isu kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja.

Dalam hal ini, Kementerian akan menggiatkan lagi pelaksanaan program PEKERTI ini supaya remaja mempunyai pengetahuan dan sikap yang lebih positif, dapat menangani pengaruh negatif daripada rakan sebaya, media dan persekitaran. Namun begitu, kerjasama daripada pelbagai pihak adalah penting untuk bersama-sama memastikan remaja Malaysia dapat terhindar daripada gejala sosial.

NO SOALAN: 88

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pendirian YB Menteri berkenaan dengan kilang memproses nadir bumi, Lynas Corporation Ltd. (Lynas) yang sebelum ini mendapat tentangan oleh segelintir pemimpin Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lynas (Malaysia) Sdn Bhd (Lynas) dilesenkan dan dikawal oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Aspek kawalan dan perlesenan turut mengambil kira kawalan alam sekitar yang optimum, pematuhan undang-undang dan amalan terpuji antarabangsa.
2. Kementerian juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) bertujuan untuk menilai pengoperasian LAMP dalam aspek keselamatan, kesihatan manusia dan alam sekitar.
3. Selain itu, Kementerian juga telah menubuhkan satu *Taskforce* Pengeluaran Sisa Radioaktif dari Lynas Advanced Material Plant (LAMP). *Taskforce* ini berperanan untuk memantau obligasi Lynas untuk bermula membawa keluar residu WLP dari Malaysia sebelum permohonan membaharui lesen beroperasi yang akan tamat pada 2 September 2019. *Taskforce* ini sedang mengenalpasti prosedur dan instrumen antarabangsa yang berkaitan bagi proses penghantaran keluar residu WLP dengan mengambilkira semua aspek perundangan, keselamatan dan sekuriti bagi menjamin keselamatan orang awam dan pekerja serta memelihara alam sekitar.

NO SOALAN: 88

4. Pada masa ini, Lynas masih lagi beroperasi di bawah kawalseliaan dan pengawasan yang ketat oleh LPTA dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memandangkan lesen operasi yang belum tamat. Selain itu, operasi Lynas juga perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian dari masa ke masa. Sebarang ketidakpatuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dilakukan oleh pihak Lynas, Kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas termasuk tindakan mahkamah tanpa kompromi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 89

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status program MyBrain yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini bagi pelajar ijazah, sarjana dan PHD. Namun sekarang tidak ada sebarang pemberian biasiswa lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada masa ini menguruskan dua (2) jenis program tajaan Biasiswa untuk orang awam iaitu;

- (1) Biasiswa MyBrain15; dan
- (2) Biasiswa MyBrainSc.

Program Biasiswa MyBrain15 ditawarkan untuk pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang di universiti awam (UA) dalam negara.

Penawaran terakhir Program MyBrain15 adalah pada November 2016 dan KPM masih meneruskan pembiayaan sejumlah 1,606 orang pelajar MyBrain15 yang masih aktif sehingga tamat tempoh penajaan pada tahun 2023.

Tawaran baharu Program MyBrainSc yang memfokuskan bidang sains tulen masih diteruskan seperti biasa malah iklan penawaran Biasiswa MyBrainSc telah dibuka dari 25 Januari - 10 Februari 2019 dan sesi temuduga diadakan dari 15 sehingga 26 April 2019.

Kedua-dua program MyBrain adalah hanya subset kecil untuk menyokong objektif pelan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk mencapai sasaran melahirkan 60,000 orang graduan Ph.D warganegara Malaysia menjelang tahun 2025. Program-program lain seperti tajaan MARA,

NO SOALAN: 89

JPA, SLAB/SLAI dan tajaan Biasiswa keguruan juga adalah antara penyumbang bagi mencapai sasaran ini.

Walaupun tawaran baharu Program MyBrain15 ditangguhkan pada masa ini, namun Kementerian masih meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Dana skim ini untuk **tahun 2018** adalah sejumlah **RM200 juta** manakala untuk **tahun 2019** pula ditambahkan sebanyak **RM75.35 juta** menjadikannya **RM275.35 juta**.

Selain daripada pelaksanaan kedua-dua program MyBrain dan pemberian geran penyelidikan dalam membantu melahirkan lebih ramai mahasiswa berkelulusan Sarjana dan Ph.D, KPM juga masih meneruskan pemberian biasiswa dan tajaan untuk 35 program tajaan biasiswa dalam perkhidmatan di bawah Kementerian untuk melahirkan lebih ramai pemegang Sarjana dan Ph.D daripada kalangan guru, pensyarah Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Matrikulasi dan UA seluruh negara dalam memenuhi keperluan perkhidmatan di KPM.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD
NORDIN
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan syarikat kurier tempatan yang dilesenkan sehingga Mac 2019 dan bagaimana satu ketetapan baru untuk tahun 2019 bagi Standard Prestasi Perkhidmatan Bungkusan (Parcel) Tempatan seiring dengan pertumbuhan ekonomi digital.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga Mac 2019, terdapat **117 lesen** perkhidmatan kurier yang telah dilesenkan.
2. Di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012, terdapat 2 jenis lesen iaitu;
 - i) Lesen Perkhidmatan Sejangat; dan
 - ii) Lesen Perkhidmatan Bukan Sejangat (Lesen Kurier).
3. Di bawah Lesen Perkhidmatan Sejangat, hanya terdapat satu pemegang lesen iaitu Pos Malaysia Berhad (PMB) di mana ia perlu melaksanakan tanggungjawab bagi penyediaan perkhidmatan pos asas di seluruh Malaysia pada kadar yang ditetapkan oleh pihak kerajaan (Sebagai contoh: surat standard pada kadar RM0.60 keseluruhan Malaysia).
4. Namun yang demikian, pihak PMB turut menyediakan perkhidmatan kurier iaitu Poslaju bermula pada tahun 1982 yang pada waktu itu bagi memenuhi keperluan perniagaan. Kini, perkhidmatan Poslaju merupakan salah satu perkhidmatan penting rakyat di dalam era perkembangan e-dagang.
5. Kerajaan Malaysia telah pun melaksanakan liberalisasi secara autonomi sektor perkhidmatan kurier bermula 1 Januari 2012 selari dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia

NO SOALAN: 90

kompetitif supaya pengguna menerima perkhidmatan dengan harga yang berpatutan. Dasar liberalisasi ini turut menjadikan perkhidmatan kurier negara di antara sub-sektor terawal yang diliberalisasikan di rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua,

Standard Prestasi Perkhidmatan Bungkusan (Parcel) Tempatan

6. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memandang serius akan prestasi perkhidmatan pos dan kurier serta komited untuk mengawal selia untuk memperbaiki kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan keseluruhan industri pos dan kurier di Malaysia.
7. Sehingga kini, SKMM telah mengeluarkan 117 lesen termasuk kepada pemain kurier antarabangsa utama untuk menyokong industri e-dagang yang semakin membangun. Ini akan mempromosi persaingan yang sihat di mana ianya amat penting untuk menggalakkan kecekapan perkhidmatan penghantaran dan meningkatkan inovasi.
8. Seiring dengan pertumbuhan pesat e-dagang, pihak SKMM menjangkakan jumlah bungkusan akan meningkat mencecah 1 billion pada tahun 2025. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan bukan sahaja perlu memastikan ketersediaan jaringan infrastruktur yang baik bagi meningkatkan tahap efisien dan kapasiti pemprosesan, malah

NO SOALAN: 90

perlu juga memastikan pemain industri terus kekal mampan untuk masa hadapan.

9. Bagi meningkatkan rejim perlindungan pengguna, pihak SKMM akan memperkenalkan **kombinasi standard prestasi perkhidmatan minimum dan mekanisma kawalan sendiri kepada semua pemegang lesen pos dan kurier**, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012.
10. Sehubungan itu, sesi rundingan akan diadakan bersama pemegang lesen bagi membincangkan mengenai standard prestasi perkhidmatan yang akan dilaksanakan. Setakat kini, SKMM telah menetapkan standard perkhidmatan bagi penghantaran mel dan bungkusan (domestik) di bawah perkhidmatan sejagat yang disediakan oleh pihak Pos Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 25 APRIL 2019

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah tanah rizab Melayu yang wujud sehingga hari ini mengikut negeri dan apakah tindakan ke atas tanah-tanah yang telah hilang status tanah rizab Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan Tanah Rizab Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan.

Peranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 8, Kanun Tanah Negara, ialah untuk memberi nasihat dan menyelaraskan isu-isu yang berhubung dengan tanah. Dalam konteks ini, tugas JKPTG ialah membantu kerajaan negeri mengemaskini data Tanah Rizab Melayu (TRM).

Oleh yang demikian, maklumat terperinci berhubung keluasan TRM bagi negeri-negeri lebih sesuai dibangkitkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.

Bagi urusan yang berkaitan dengan tindakan yang dilaksanakan ke atas tanah-tanah yang telah hilang status Tanah Rizab Melayu, Majlis Tanah Negara yang ke-69 pada tahun 2013 telah memutuskan bahawa sebuah pangkalan data diwujudkan bagi memastikan data Tanah Rizab Melayu diselaraskan dengan teratur. Tanah Rizab Melayu dilindungi di bawah peruntukan 89 Perlembagaan Persekutuan di mana semua pihak

NO SOALAN: 91

terutamanya kerajaan negeri yang berkaitan harus melaksanakan prosedur gantian semula Tanah Rizab Melayu sekiranya berlaku sebarang pembatalan.

Di samping itu, satu Jawatankuasa Pemandu di peringkat Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah diwujudkan untuk menyelaraskan pengurusan data Tanah Rizab Melayu dan menjadi platform perbincangan antara negeri-negeri dan persekutuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan Tanah Rizab Melayu dan perkongsian maklumat serta contoh amalan terbaik negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 92

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 25 APRIL 2019

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah ketetapan yang diambil oleh Menteri dan pihak Kementerian bagi menangani isu 'racist advertisement' yang melibatkan diskriminasi kaum dan jantina yang semakin membarah dalam pengambilan pekerja oleh majikan di negara ini dan apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia merupakan negara yang berbilang agama, bangsa dan etnik dengan pelbagai budaya. Sebarang bentuk diskriminasi tidak boleh diterima. Peluang pekerjaan dan latihan kemahiran terbuka dan saksama kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa. Majikan menggajikan pekerja berdasarkan kelayakan yang bersesuaian. Perkara ini telah ditekankan dalam Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan seperti berikut:

“ Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.”

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sedang dalam proses membuat pindaan Akta Kerja 1955 termasuk tambahan peruntukan anti diskriminasi di mana majikan tidak boleh mendiskriminasi pencari kerja atau pekerja atas sebab-sebab berikut:

NO SOALAN: 92

- (i) jantina;
- (ii) agama;
- (iii) kaum;
- (iv) ketidakupayaan;
- (v) status perkahwinan;
- (vi) kehamilan; atau
- (vii) bahasa.

Pindaan Akta Kerja 1955 dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Julai 2019. Jika wujud sebarang insiden diskriminasi dalam pekerjaan pihak yang terjejas mempunyai hak membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja. Tindakan sewajarnya akan dikenakan berdasarkan laporan tersebut.

NO SOALAN: 93

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN
TARIKH : 25 APRIL 2019**

Tuan Khairul Azwan Harun minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skor ataupun indeks perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia pada tahun ini dan perbandingannya dengan tahun-tahun sebelum ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kumpulan pakar penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedang membangunkan instrumen Indeks Perpaduan Nasional dan dijangka siap pada tahun ini.
2. Kajian pembangunan dan penghasilan indeks yang pertama ini adalah usaha komprehensif untuk membangunkan satu alat pemantauan peringkat nasional yang berfungsi sebagai instrumen bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara. Justeru, buat masa ini tiada sebarang skor yang direkodkan memandangkan indeks ini masih dalam proses pembangunan.
3. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mewujudkan suatu petunjuk yang dikenali sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau "*Societal Stress Index (SSI)*".
4. IKM dibangunkan bertujuan merekodkan jumlah bilangan kes keganasan, rusuhan, bilangan pergaduhan dan serangan, bilangan demonstrasi dan protes secara berkumpulan serta bilangan isu-isu polemik yang dibahaskan dan dilaporkan dalam media massa yang diberi penentuan pemberat (*weightage*) tertentu. Jumlah kes ini

NO SOALAN: 93

kemudiannya dibahagi dengan jumlah sejuta penduduk untuk mendapatkan indeks bilangan kes per sejuta penduduk.

5. Pada tahun 2015, IKM direkodkan pada tahap 9.6 kes bagi setiap sejuta penduduk, tahun 2016 direkodkan pada tahap 9.2 kes bagi setiap sejuta penduduk dan pada tahun 2017 pula, terdapat sedikit peningkatan iaitu direkod pada tahap 11.5 kes bagi setiap sejuta penduduk iaitu peningkatan sebanyak 2.3%. Peningkatan ini merujuk kepada insiden-insiden yang dilaporkan menjelang suku tahun ke-4 seperti protes dan pertikaian mengenai isu-isu, menyebabkan suasana sosial menjadi lebih tegang. Isu penyampaian perkhidmatan, isu kerajaan dan isu agama mendominasi isu-isu sepanjang tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, IKM direkodkan pada tahap 11.6 kes bagi setiap sejuta penduduk akibat beberapa siri demonstrasi dan protes yang diadakan seperti perhimpunan anti-ICERD dan rusuhan kaum akibat insiden di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan biasa dan tenang, keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini berada pada situasi **TERKAWAL dan STABIL**.

Sekian, terima kasih.